

**HUKUM
MENGGERAKKAN
JARI TELUNJUK
DALAM SOLAT**

Zamihan Mat Zin
Bandar Baru Bangi Selangor.

Hukum Menggerakkan Jari Telunjuk Dalam Solat
© Zamihan Mat Zin

Cetakan Pertama Januari 2010
Cetakan Kedua April 2010
Cetakan Ketiga Oktober 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penterjemah dan penerbit terlebih dahulu.

Jabatan Mufti Johor telah mendapat kebenaran bertulis daripada penulisnya untuk menerbitkan buku ini bagi diedarkan ke masjid-masjid, surau-surau dan Guru-guru Takmir Masjid negeri Johor supaya masyarakat Islam di negeri ini tidak mudah terpengaruh dengan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Diterbitkan oleh
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor
Kompleks Islam Iskandar Johor
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru

Dicetak oleh
Master Gifts Sdn Bhd

**HUKUM
MENGERAKKAN JARI TELUNJUK
DALAM SOLAT**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
"Bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat daku
bersolat." - riwayat Al-Bukhari

Oleh :

Allamah Syeikh Dr Hassan Ali Al-Saqqaf Al-Qurasyi Al-Hasyimi

Terjemahan :

Zamihan Hj Mat Zin Al-Ghari

ISI KANDUNGAN

➤	Kata-Kata Aluan Penterjemah	5
➤	Kata-Kata Aluan Dato' Hj Mohd. Saleh Hj Ahmad	8
➤	Kata-Kata Aluan SS Mufti Negeri Johor	10
➤	Pendahuluan	13
➤	Penjelasan terhadap dalil-dalil Syeikh Al-Baani dan kesamaran yang dinyatakan di dalam kitabnya <i>Sifatussolah an-Nabi SAW</i> .	16
➤	Memperbetulkan dalil yang digunakan oleh Al-Baani di dalam masalah ini. Dia sebenarnya tertipu dengan pendapatnya sendiri.	19
➤	Perawi-perawi hadis dan pendapat-pendapat ahli <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> tentang mereka.	29
➤	Penjelasan terhadap syadznya lafaz (يحر كها) pada hadis Wail Bin Hujr.	34
➤	Kaedah menghimpunkan dua hadis menurut ulama' usul fiqh dan ulama' hadis.	38
➤	Penjelasan terhadap hadis Wail bin Hujr yang mempunyai lafaz "mengerakkan jari" ketika bertasyahhud.	43
➤	Penjelasan terhadap makna <i>At-Tahliq</i> (membuat bulatan menggunakan jari jemari).	53
➤	Kesimpulan	55



KATA-KATA ALUAN
PENTERJEMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ.
رَبَّنَا يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ وَتَمِّمْ بِخَيْرٍ . أَمَّا بَعْدُ ...

Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan segala nikmat yang melimpah ruah kepada hamba-hambaNya, selawat dan salam buat Junjungan pesuruhNya, para sahabat yang mulia dan kaum keluarganya yang ternama.

Alhamdulillah, Allah SWT masih memberi ruang dan peluang kepada saya menterjemahkan sebuah buku kecil yang membicarakan tentang satu permasalahan ranting agama. Walaupun kecil, isi kandungannya amat padat,

ringkas dan mendalam. Intisari terjemahan ini kami manfaatkan dari buku *Tahdzir Al-Abd Awwah min Tharik Al-Isbaa' fi Al-Solah* karangan Tuan Guru Kami, Allamah Syeikh Al-Sayyid Dr. Hassan bin Ali Al-Saqqaf. Beliau merupakan guru akidah dan hadis yang bermazhab al-Syafie dari Amman, Jordan. Dan kini bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Amman, Jordan. Beliau telah menulis lebih daripada 100 buah kitab. Di samping itu, beliau banyak menyertai seminar, forum dan diskusi ilmiah di peringkat antarabangsa dan menyampaikan kuliah di pelbagai saluran televisyen di Timur Tengah. Semoga Allah meredhainya.

Demi mencari penyelesaian kepada beberapa permasalahan feqah semasa, maka risalah kecil ini diterjemah dan diolah sebegitu rupa untuk memberi kepuasan kepada pembaca tentang kedudukan permasalahan feqhiyyah kontemporari.

Kebanyakan dari kita keliru dengan perbuatan menggerakkan jari telunjuk di dalam solat. Pelbagai gerakan dan gaya diperlihatkan. Isu ini begitu hangat diperkatakan. Baik di kalangan bangsa Arab mahupun di kalangan kita. Ternyata kita masih samar-samar dalam mencari jawapannya. Namun menurut ketetapan As-Sunnah sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama' Al-Syafi'iyah ialah kita disunatkan menggerakkan jari telunjuk sekali sahaja ketika *bertasyahhud*. Iaitu menggerakkan hujung jari seiring dengan pengucapan *tasyahhud* pada huruf *ha'* (هـ) di penghujung lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ). Ia dilakukan supaya kita benar-benar menghayati keEsaan Allah SWT. Perbuatan ini tidak boleh dilakukan secara berulang-ulang sebagaimana yang didakwa dan dilakukan sesetengah pihak yang cuba melakukan *ijtihad* sendiri. Yakni cuba memandai-mandai berinteraksi dengan nas walaupun sebenarnya mereka tidak berkelayakan.

Paling menyedihkan, mereka tidak segan silu menganggap orang yang tidak menggerakkan jari telunjuk secara berterusan itu sebagai tidak menepati sunnah. Lalu membuat tuduhan *bid'ah sesat* ke atas umat Islam. Oleh itu, dengan terbitnya buku ini diharapkan ia dapat membantu para pembaca mengenali asas permasalahan dan hakikat hukum yang sebenarnya. Mudah-mudahan usaha sekelumit ini, sedikit sebanyak memberi manfaat kepada kita semua.

Apapun, segala kelemahan hanyalah kekurangan dan kedhaifan penterjemah semata-mata. Segala tunjuk ajar dan nasihat amat dialu-alukan bagi mematangkan lagi diri yang hina ini. Hanya Allah sahaja yang Maha Sempurna. Dialah yang Amat Mengetahui lagi Maha Bijaksana. semoga amalan yang sekecil ini diredhaiNya. Amin.

Faqir ilallah

US. HJ ZAMIHAN HJ MAT ZIN AL-GHARI,
Penolong Pengarah ILIM - JAKIM
AJK Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)
Cawangan Kuala Lumpur



KATA-KATA ALUAN

**Y.Bhg Sahibul Fadhilah Dato' Hj Mohd Saleh Hj Ahmad
AJK Fatwa Perak & AJK Fatwa Selangor**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ
الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ وَرَضِيَ اللَّهُ عَنْ صَحَابَتِهِ الْمُتَّقِينَ
وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ ...

A lhamdulillah, saya diberi penghormatan oleh Al-Fadhil Us Zamihan bin Mat Zin Al-Ghari untuk menyemak hasil terjemahan beliau terhadap karya Allamah Syeikh Dr Hassan Al-Saqqaf berjudul *Tahrik Al-Isba' Fi Al-Solah*. Bagi saya, walaupun karya ini kecil, namun kandungannya ringkas, tepat dan padat dengan hujjah-hujjah ilmiah.

Manakala permasalahan yang dikupas begitu terperinci dan mendasari perbincangan menurut mazhab Al-Syafie RHM. Hal ini menjadikan buku ini begitu sesuai dengan keperluan masyarakat setempat yang begitu dahagakan ilmu dengan penghujahan yang benar lagi konkrit. Menurut pendapat muktamad mazhab Al-Syafie, perbuatan menggerakkan jari telunjuk ketika bertasyahhud adalah sunat. Ia digerakkan sekali sahaja ketika penghujung kalimah Allah pada lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ). Jari telunjuk tetap ditegakkan dengan sedikit condong sehinggalah seseorang itu bangkit dari *tahiyyat* pertama. Atau mengucapkan salam pada *tahiyyat* akhir. Para pembaca boleh meneliti hujjah-hujjah yang dikemukakan dalam buku ini dengan lebih lanjut.

Terjemahan buku ini menjadi lebih bernilai apabila ianya diterjemahkan oleh Us Zamihan Al-Ghari selaku murid kepada pengarang buku ini. Beliau juga adalah murid saya melalui program Tafaqquh Fiddin menerusi kitab *Mughni al-Muhtaj* dan *Al-Asybah Wa Al-Nazha'ir* yang telah dianjurkan JAKIM selama dua tahun berturut-turut. Semoga keselarasan fahaman dan amalan memberi kualiti yang terbaik buat para pembaca.

Semoga usaha ini mendapat limpah perkenan dari Allah SWT dan mudah-mudahan ia menjadi amalan kebaikan untuk dibawa ke alam baqa. Sekian. Wassalam.

Saya yang ikhlas,

DATO' HJ MOHD SALEH HJ AHMAD
Timb. YDP Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)



KATA-KATA ALUAN
SS. Mufti Negeri Johor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam buku ini.

Sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan masyarakat meniru apa sahaja yang dianggapnya sesuatu yang baru, apa lagi dibawa oleh mereka yang mempunyai tokoh mengenainya. Antara perkara yang perlu diperjelaskan ialah “Masalah menggerakkan jari telunjuk secara berterusan ketika tahiyat dalam solat”. Justeru penerbitan buku *Tahdzir Al-Abd Awwah min Tharik Al-Isbaa' fi Al-Solah* karangan Allamah Syeikh Al-Sayyid Dr. Hassan bin Ali Al-Saqqaf ini sedikit sebanyak akan dapat menjelaskan kepada masyarakat betapa dakwaan sesetengah pihak bahawa menggerakkan jari telunjuk secara berterusan dalam tahiyat itu bukanlah sesuatu yang pasti walaupun didakwa ianya sebagai pasti.

Perkara yang dianggap sekecil ini jika dibiarkan berlaku dalam masyarakat, ia boleh membawa kepada pelbagai perkara

negatif tentang ajaran Islam dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafie yang tidak beranggapan sedemikian.

Seolah-olah apa yang dilakukan umat Islam selama ini tidak betul, bid'ah dan fahaman baru yang syadz ini sahaja yang betul dan menepati Sifat Solah Nabi, selain ia boleh menjejaskan keharmonian dalam masyarakat.

Diharapkan buku ini dapat membantu masyarakat menilai mana yang betul dan mana yang sengaja dibuat-buat demi untuk mempertahankan pegangan dan pendapatnya sahaja tanpa dokongan hijjah yang kukuh dan disepakati ulama' mujtahid. Kepada Allah dipohonkan taufik dan hidayah, amin.

(DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN)
Mufti Negeri Johor

3 Oktober 2010.



PENDAHULUAN

Berkata AI-Faqir di sisi Allah SWT Hassan bin Ali bin Hasyim AI-Saqqaf AI-Quraisyi AI-Hasyimi As-Syafie (mudah-mudahan diampuni Allah SWT hendaknya):

Ketahuiilah dengan taufik kurniaanNya kepada saya dan anda semua terhadap apa yang disukai lagi diredhaiNya. Sesungguhnya sebahagian daripada saudara kita telah meminta saya untuk menulis satu risalah. Risalah tersebut khusus membincangkan masalah "Menggerakkan jari telunjuk ketika bertasyahhud di dalam solat".

Mereka amat keliru dengan permasalahan ini. Persoalan mereka: Adakah menggerakkan jari secara terus-menerus itu disunatkan (sebagaimana dakwaan sesetengah pihak yang mengaku sebagai ahli ilmu) atau ianya dimakruhkan? Ataupun adakah perbuatan itu diharamkan? Adakah solat itu terbatal atau sebaliknya?

Sebagaimana diketahui, Syeikh AI-Baani di dalam kitabnya *Sifatussolah An-Nabi*⁽¹⁾ mendakwa disunatkan menggerakkan jari telunjuk ketika bertasyahhud sambil mengerak-gerakannya sehingga salam dan selesai solat. Justeru, inilah masanya yang sesuai untuk kita menjawab dakwaan beliau. Dalam menjawab kemusykilan ini, kita tidak perlu memerah otak atau bekerja keras untuk menyelesaikannya. Hanya kepada Allah SWT kita memohon taufik dan pertolongan.

⁽¹⁾ *Buku Sifatussolah An-Nabi* karangan Syeikh AI-Baani ini telah diterjemahkan ke dalam edisi Bahasa Melayu oleh Us Abdullah Qaari Hj

Salleh, Us Hussien Yee dan lain-lain berjudul Ciri-ciri Solat Nabi SAW. Sebenarnya intisari buku ini tidak mempunyai metodologi Ilmu Feqah yang jelas. Sebaliknya hanya berteraskan kepada pemerasan akal dan kesimpulan yang dibuat Oleh Syeikh Nasiruddin al-Albaani sahaja. Ia bukan sekadar tidak berpandukan mazhab, malah ada beberapa pandangannya dilihat terkeluar dari metodologi mazhab muktabar. Dalam masa yang sama juga beliau ingin menjustifikasikan bahawa pandangan beliaulah yang menepati sunnah yang sebenar. Maka berhati-hatilah. Lantaran itu, Tuan Guru kami, Syeikh Hassan al-Saqqaf mengambil inisiatif memperbetulkan beberapa kekeliruan yang ditimbulkan Syeikh Al-Baani dengan membawa perbincangan feqhiyyah berdasarkan kepada metodologi ulama' muktabar. Khususnya Mazhab al-Syafie untuk disesuaikan dengan realiti pengamalan di Jordan dan di negara kita khususnya. - Zamihan al-Ghari.

Adapun sebagai jawapan ringkas kepada persoalan ini, ketahuilah bahawa Imam al-Hafiz Muhyiddin al-Nawawi RHM telah ditanya di dalam kitabnya "*al-Fatawa*" tentang isu menggerakkan jari telunjuk di dalam solat. Pertanyaan itu berbunyi: "Adakah (menggerakkan jari telunjuk) pada tangan kanan itu disunatkan? Bilakah waktu yang sesuai untuk menggerakkan jari tersebut? Adakah menggerakkannya secara berterusan itu membatalkan solat?"

Imam al-Nawawi RHM menjawab: "Disunatkan mengangkat jari telunjuk dari tangan kanan ketika melafazkan huruf 'hamzah' pada kalimah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) sekali sahaja (2) tanpa mengerak-gerakannya.(3) Sekiranya seseorang itu mengulangi pergerakannya berkali-kali, maka hukumnya adalah makruh. Hal ini tidak membatalkan solat. Demikian menurut pendapat yang sahih. Dikatakan juga, iaitu menurut pendapat yang lemah: batal solatnya:" - tamat jawapan yang diberikan oleh Imam al-Nawawi menerusi *Fatawa al-Nawawi* m/s 54. Mudah-mudahan beliau mendapat keredhaan Allah SWT.

(2) Dalil perbuatan ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ إِذَا جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ، وَضَعَ كَفَّهُ الْأَيْمَنَى عَلَى فَخْذِهِ الْأَيْمَنَى، وَقَبِضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ الَّتِي تَلِي الْإِبْهَامَ وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخْذِهِ الْيُسْرَى.

Dalam menyelesaikan masalah ini, kami akan mendedahkan kepincangan dalil bagi mereka yang mengatakan sunat menggerakkan jari telunjuk secara berterusan. Bukti yang didedahkan hasil dari penulisan mereka sendiri. Kemudian kita akan membincangkan dalil-dalil tersebut satu persatu. Kami juga akan menjelaskan bahawa dalil-dalil yang dipergunakan oleh mereka itu tidak sesuai. Hal ini diperolehi berdasarkan hujjah-hujjah dan bukti yang terang lagi bersuluh. Insya Allah.

Di samping itu, kita juga akan menjelaskan dalil yang mengatakan bahawa tidak disunatkan menggerakkan jari telunjuk secara berterusan menerusi pandangan para ulama' yang memperbincangkan sesuatu masalah dengan teliti (*muhaqqiq*).

Maksudnya : "Nabi SAW apabila Baginda mendirikan solat, Baginda SAW meletakkan tangan kanannya di atas paha kanan dan mengenggam jari jemarinya. Lalu Baginda mengisyaratkan (mengangkat) jari telunjuknya (yang dekat dengan ibu jarinya). Baginda juga meletakkan tangan kirinya di atas paha kirinya." - Riwayat Al-Khamsah kecuali Al-Bukhari.

(3) Perbuatan ini berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Zubair RA berbunyi :

أَنَّ النَّبِيَّ كَانَ يُشِيرُ بِإِصْبَعِهِ وَلَا يُحْرِكُهَا.

Maksudnya : "Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW mengisyaratkan jari telunjuk tanpa menggerakkannya." Ini adalah hadis yang sahih yang dikeluarkan oleh Abu Daud dan Al-Baihaqi. Insya Allah kita akan membuat kupasan secara panjang lebar tentang hadis ini seketika nanti.

PENJELASAN TERHADAP DALIL-DALIL SYEIKH AL-BAANI DAN KESAMARAN YANG TERDAPAT DI DALAM KITABNYA SIFATUS SOLAH AN-NABI SAW



Sebelum itu, mari kita lihat betapa banyaknya hadis-hadis *dhaif* (lemah) yang telah dihukum sebagai *sahih* oleh al-Baani¹. Dan kita juga dapat melihat hadis-hadis *sahih* yang telah dihukum *dhaif* oleh Syeikh Muhammad Nasiruddini² al-Baani di dalam kitabnya *Sifatus Solah an-Nabi*.

¹ Seperti hadis : (مَنْ كَانَ لَهُ إِمَامٌ فَقِرَاءَةُ الْإِمَامِ لَهُ قِرَاءَةٌ)

Maksudnya : "Sesiapa yang mendapati Imam, maka bacaan Imam itu adalah bacaan baginya." Sila lihat *Sifatus Solah* - al-Baani m/s 95, cetakan ke-6. Sebenarnya hadis ini dihwkum *ma'lul* (yang mempunyai kecacatan) menurut kesepakatan al-Huffaz (penghafaz Hadis). Hal ini diceritakan oleh al-Hafiz Ibn Hajr al-Asqalani di dalam *Fath al-Bari* m/s 242 juz 2 dan lain-lain.

Demikian juga hadis (مَا لِي أُتَارَعُ): " Mengapa saya menentang " di dalam *Sifatus Solahnya* m/s 95. Kedua hadis ini sebetulnya telah disepakati oleh al-Huffaz dan *I'lal* (pakar cacat hadis) serta pakar bidang hadis bahawasanya kedua-duanya adalah *ralat* (mengandung ksilapan). Dan mempunyai *idraj* (banyak kecacatan) yang menisbahkan lafaznya kepada Abu Hurairah. Akan tetapi, Abu Hurairah RA tidak sesekali melafazkannya. Hal ini telah dijelaskan oleh Imam An-Nawawi di dalam kitab "*Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* " m/s 368 juz 3.

² Seperti hadis Sayyidina Abdullah bin Az-Zubair. Insya Allah, kami akan perjelaskan kesahihan hadis ini di dalam babnya nanti. Pada hadis ini terdapat lafaz (لَا يُحْرَكُهَا) "Dia (Nabi SAW) tidak menggerakkannya." Lafaz ini dipandang *dhaif* (lemah) oleh Syeikh Al-Baani sebagaimana yang terdapat di dalam bukunya *Sifatus Solah an-Nabi*. Sila lihat *Sifatus Solah* al-Baani m/s 170. Sebenarnya hadis ini telah dihukum sahih oleh para penghafaz hadis. Antaranya ialah Imam An-Nawawi di dalam *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzab* m/s 454 juz 3. Manakala Imam Al-Baihaqi, Ibn Hibban, Az-Zahabi dan Ibn Hajr turut mengesahkannya.

DALIL-DALIL AL-BAANI:



Pertama:

Syeikh Al-Baani berhujjah berdasarkan kepada hadis Wail bin Hujr RA. Disebutkan pada hadis ini tentang meletakkan kedua tangan pada tasyahhud. Lalu beliau (Wail) sebagai berkata:

(ثُمَّ رَفَعَ إِصْبَعَهُ فَرَأَيْتُهُ يُحَرِّكُهَا يَدْعُوَ بِهَا)

Maksudnya: "Kemudian Baginda SAW mengangkat jari telunjuknya, maka saya (Wail) melihat Baginda menggerakannya sambil berdoa" - Riwayat Al-Baihaqi.

- Lalu Al-Baani berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud, An-Nasaie, Ibn Jaarud, Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban dan Ibn Mulaqqin juga mengesahkannya."

Kedua:

Melalui hadis di atas, Syeikh Al-Baani menyimpulkan bahawa :

- 1) Hadis (Wail bin Hujr) ini jelas menunjukkan bahawa disunatkan menggerakkan jari telunjuk secara berterusan bermula daripada awal *tasyahhud* sehingga memberi salam.
- 2) Menggerakkan jari telunjuk di dalam *tasyahhud* ini merupakan mazhab Imam Malik RHM dan lain-lain.
- 3) Imam Ahmad RHM telah ditanya: "Adakah seseorang itu boleh menggerakkan jari di dalam solat ketika tasyahhud." Lalu beliau (Imam Ahmad) menjawab: "Ya, gerakkanlah dengan bersungguh-sungguh."
- 4) Syeikh Al-Baani berkata lagi: "Berdasarkan dalil di atas juga, (hadis Wail bin Hujr) jelas menunjukkan bahawa

menggerakkan jari telunjuk di dalam solat merupakan amalan sunat.”

- 5) Beliau mendakwa: "Sesungguhnya hadis Abdullah bin Al-Zubair yang diriwayatkan dengan lafaz: (لَا يُحَرُّكُهَا) "Dia (Nabi) tidak menggerakkan jarinya" itu tidak *thabit* (tidak pasti) dari sudut sanadnya sebagaimana yang telah diperakui oleh Imam Abu Daud di dalam kitabnya *Silsilat Ahadith Ad-Dhaif*.
- 6) Al-Baani mendakwa lagi: Sekiranya (hadis Abdullah bin Al-Zubair itu adalah) *thabit* nescaya ia akan menafikan amalan menggerakkan jari telunjuk dalam solat. Sedangkan hadis induk ini merupakan hadis yang menetapkan adanya pergerakan jari. Dan kaedah feqhiyyah mengatakan bahawa sesuatu yang menetapkan itu mendahului sesuatu yang bersifat menafi.

Demikianlah hujjah-hujjah yang digunapakai oleh Syeikh Al-Baani di dalam kitabnya *Sifatu Ssolah An-Nabi* m/s 168 cetakan ke-6.

**MEMPERBETULKAN DALIL YANG DIGUNAKAN OLEH
AL-BAANI DI DALAM MASALAH INI. DIA SEBENARNYA
TERTIPU DENGAN PENDAPATNYA SENDIRI.**



- 1) Adapun hadis Sayyidina Wail bin Hujr RA yang didakwa oleh Syeikh Al-Baani itu adalah hadis yang *sahih*. (Sebagaimana telah dijelaskan oleh beliau di no.6 dalam kesimpulannya). Bagi saya secara keseluruhannya sanad dan matan hadis ini adalah *sahih*. Melainkan dengan lafaz (يُحَرِّكُهَا) bermaksud "Nabi menggerakkannya." Lafaz ini adalah Syadz kerana bercanggah dengan riwayat yang dipercayai.

Hadis Wail bin Hujr RA ini diriwayatkan melalui sebelas orang perawi yang *thiqah* (dipercayai). Mereka kesemuanya adalah penghafaz hadis (Al-Huffaz). Kesemua riwayat mereka tidak menyebut lafaz (يُحَرِّكُهَا) iaitu "Nabi menggerakkannya. Sebenarnya, pada hadis ini terdapat seorang perawi yang *thiqah* (dipercayai). Iaitu Zaidah bin Qudamah RHM. Beliau hanya berkeseorangan di dalam meriwayatkan hadis dengan lafaz (يُحَرِّكُهَا). Riwayat Zaidah bertentangan dengan riwayat Ibn Al-Zubair RA yang menafikan adanya pergerakan jari telunjuk ketika tahiyat.

Demikian halnya dengan riwayat Ibn Umar RA yang termaktub di dalam Sahih Muslim yang juga menafikan perbuatan menggerakkan jari. Kes ini dikenali dalam disiplin ilmu hadis dengan kes *mukhalafah thiqah*. Iaitu riwayat yang bertentangan dengan riwayat-riwayat yang dipercayai. Dalam kes ini, ulama' hadis ada menyatakan:

وَمَا يُخَالِفُ ثِقَةً بِهِ الْمَلَأَ
فَالشُّذُّ وَالْمَقْلُوبُ قِسْمَانِ تَلَا

"Riwayat yang bertentangan dengan riwayat *thiqah* itu banyak"

"*As-Syadz* dan *al-Maqlub* dua bahagian darinya."

Sesungguhnya lafaz hadis yang mempunyai tambahan (يُحَرِّكُهَا) ini telah dihukum cacat oleh al-Hafiz Ibn Khuzaimah di dalam Sahihnya m/s 354 juz 1 dengan katanya: "Hadis ini tidak ada satu pun puncanya melainkan apa yang diriwayatkan oleh Zaidah bin Qudamah." - tamat.

Syeikh Al-Baani mendakwa hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi RHM. Memang ianya diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi RHM di dalam Sunannya. Tetapi, lafaz tambahannya perlu ditolak sebagaimana keterangan yang telah kami kemukakan di atas.

Adapun dakwaannya bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Daud adalah tidak benar sama sekali. Sesungguhnya Syeikh Al-Baani telah memberi kesamaran kepada awam tentang hadis ini. Sedangkan Imam Abu Daud tidak sesekali meriwayatkan hadis ini di dalam Sunannya.³

³ Sesungguhnya seorang pengikut fanatik Syeikh al-Baani telah menyangka hadis ini wujud di dalam sunan Abu Daud bernombor 727. Dia sebenarnya ingin menolong tuan gurunya, Syeikh Al-Baani. Lalu dia menulis beberapa helaian surat kepada saya. Di dalamnya penuh dengan celaan dan kutukan. Akan tetapi, celaan tersebut bukannya boleh mengeluarkan kebatilan yang telah dibuat oleh Syeikh Al-Baani. Adapun, apa yang telah dijelaskan oleh Imam Abu Daud di dalam sunannya itu bukannya hadis *menggerakkan jari telunjuk*. Sebaliknya hadis yang lain, iaitu hadis mengangkat kedua tangan ketika *takbiratul ihram* - mengangkatnya dan menggerakkannya di bawah pakaian sewaktu musim sejuk. Maka buatlah pemeriksaan padanya. Hadis ini telah diletakkan oleh Imam Abu Daud di dalam bab **Mengangkat Kedua Tangan Ketika Takbir**. Maka berhati-hatilah.

- 2) Adapun kata-kata Syeikh Al-Baani: "*Hadis ini merupakan dalil yang menunjukkan bahawa disunatkan menggerakkan jari secara langsung hingga memberi salam.*" Pendapat seperti ini tidak boleh diterima sama sekali. Ini kerana beliau hanya mengambil satu riwayat dan meninggalkan sejumlah riwayat sahih yang lain. Riwayat-riwayat yang sahih ini sebenarnya telah diakui oleh para al-Huffaz. Riwayat dari Ibn Umar sebagaimana yang terdapat di dalam Sahih Muslim dianggap Syadz oleh Syeikh Al-Baani.

Di samping itu, beliau juga meninggalkan riwayat Abdullah bin Al-Zubair RA yang telah dikeluarkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Al-Baihaqi dengan sanad-sanadnya yang sahih. Bahkan beliau menghukum lemah riwayat Ibn Al-Zubair RA yang mengandungi lafaz (لَا يُحَرِّكُهَا) iaitu "Nabi SAW tidak menggerakkan jarinya." Hal ini dilakukan oleh beliau semata-mata untuk menolong menegakkan pendapatnya. Insya Allah, kami akan jelaskan kesahihan hadis ini selepas ini.

- 3) Adapun dakwaan Syeikh Al-Baani bahawa perbuatan menggerakkan jari telunjuk secara berterusan adalah mazhab Imam Malik RHM adalah tidak benar sama sekali.

Beliau sebenarnya sama sekali tidak berhujjah dan berpegang dengan perkataan Imam Malik RHM dan ashabnya (ulama' Malikiyyah). Jadi, dakwaan beliau ini langsung tidak memberi apa-apa faedah. Lebih-lebih lagi apabila beliau tidak berpegang dengan dalil-dalil syarak. Dan istimewa buat Al-Baani, kami ingin menyatakan bahawa telah berlaku perselisihan pendapat di kalangan fuqaha' Malikiyyah di dalam masalah ini.

Di dalam kitab *Auni Al-Ma'bud* m/s 455 juz 3 dinyatakan bahawa Syeikh Salamullah berkata di dalam *Syarah Muwattha'*

dengan katanya: "Pada hadis Wail bin Hujr menurut Abu Daud⁴ yang berbunyi,

(ثُمَّ رَفَعَ إِصْبَعَهُ فَرَأَيْتُهُ يُحَرِّسُ كُفَّهَا يَدْعُو بِهَا)

"Kemudian Baginda mengangkat jari telunjuknya, lalu saya dapati Baginda SAW menggerakkan jari telunjuknya sambil berdoa."

Hadis ini menjelaskan adanya perbuatan menggerakkan jari telunjuk ketika *bertasyahhud*. Inilah pendapat yang diambil oleh Imam Malik dan kebanyakan ulama' Malikiyyah. Perbuatan inilah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *menggerakkan jari berterusan*. Oleh itu, maksud yang diputuskan di sini tidak ada percanggahan dengan riwayat yang telah dibawa oleh Imam Muslim daripada Abdullah bin Al-Zubair RA berbunyi:

(كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ يُشِيرُ بِإِصْبَعِهِ إِذَا دَعَا وَلَا يُحَرِّسُ كُفَّهَا)

Maksudnya: "Rasulullah SAW mengisyaratkan jari telunjuknya sambil berdoa tanpa menggerakkannya."⁵ tamat Auni Al-Ma'bud.

Subhanallah!! Kenapa Syeikh Al-Baani tidak mahu menerima pakai ijtihad Imam Malik RHM ini? Apabila riwayat yang dikemukakan ini bertentangan dengan pendapatnya, beliau menyerang pandangan mazhab secara habis-habisan. Seolah-olah perkataan dan ijtihadnya itu adalah semata-mata berdasarkan Al-Kitab dan As-Sunnah yang tidak menerima *nasakh*, *takhsis* dan

⁴ Sesungguhnya Syeikh al-Baani telah tertipu dengan memandai-mandai menisbahkan hadis terhadap Imam Abu Daud. Maka, kita katakan bahawa nisbah beliau terhadap Imam Abu Daud ini berdasarkan kepada taklid buta semata-mata. Inilah sebahagian daripada dalil-dalil yang banyak membuktikan bahawa Syeikh al-Baani bukanlah seorang ahli hadis (muhaddis). Bahkan dia hanya seorang penuqil daripada kitab-kitab hadis sahaja. Maka berhati-hatilah.

⁵ Bagi saya (penulis): Hadis ini juga bukan tercatat di dalam Sahih Muslim. Akan tetapi ianya wujud di dalam Sunan Abu Daud. Maka berhati-hatilah.

takwil sedikitpun. Manakala pendapat orang lain dikira salah, sesat atau menyimpang. *Na'uzubillah*.

Sekiranya memang benar fuqaha' Malikiyyah itu sependapat dengan apa yang difahamkan oleh Syeikh Al-Baani dalam masalah menggerakkan jari, maka ia juga tidak menjadi hujjah samada bagi kita atau Al-Baani sendiri.

Ini kerana Imam Malik RHM sendiri telah mengingkari hadis pengharaman berpuasa sunat pada hari Sabtu sedangkan beliau seorang Amirul Mukminin di dalam ilmu hadis. Dan beliau pula terdiri dari kalangan ulama' as-Salaf. Maknanya, Imam Malik RHM mempunyai metodologi tersendiri ketika berinteraksi dengan nas. Bagaimana pula dengan Syeikh Al-Baani? Kenapa Syeikh Al-Baani tidak mahu menerima pakai pendapat Imam Malik secara benar?. Apa tujuannya?

Dengan izin Allah SWT dan kehendakNya, kami akan menjelaskan kepada Al-Baani dan pengikut-pengikutnya dari kalangan *Salafi Modern* bahawa ketentuan As-Sunnah ialah tidak menggerakkan jari telunjuk secara berterusan ketika bertasyahhud di dalam solat.

Soalnya, jika kes ini dapat dibuktikan secara berfakta, adakah Syeikh Al-Baani sanggup meninggalkan mazhab Imam Malik yang didakwanya itu? Ataupun mereka terus mengikut As-Sunnah secara terjah sebagaimana yang digembar-gemburkan kepada orang ramai. Atau ke mana pula dakwaan mereka selepas ini? Adakah mereka lebih suka untuk menentang ketentuan ini? Atau mereka ini masih tetap mendirikan benang yang basah?

4) Adapun dakwaan Syeikh Al-Baani dengan soalan yang diajukan kepada Imam Ahmad RHM dengan jawapan:

(سُئِلَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ فَقَالَ: يُشِيرُ بِهَا شَدِيدًا).

"Ya, gerakkanlah jari dengan bersungguh-sungguh" adalah satu hujjah yang tidak benar sama sekali.

Sebenarnya perkataan Imam Ahmad ini bukanlah bermaksud menggerakkan jari telunjuk. Hal ini terbukti dengan pendapat ulama'-ulama' al-Hanabilah itu sendiri yang menyatakan bahawa tidak ada perbuatan "menggerakkan jari" di dalam mazhab mereka. Golongan Ulama' mazhab Hanbali sebenarnya lebih memahami makna perkataan Imam mereka secara *sahih* (benar) atau *dhaif* (lemah) berbanding Syeikh Al-Baani dan pengikut *Salafi Modern*.

Berkata penulis kitab '*Ar-Raudh AI-Murabba' AI-Hanbali*' m/s 59 juz 1 ..

(وَيُشِيرُ بِسَبَابَتِهَا مِنْ غَيْرِ تَحْرِيكِ فِي تَشَهُدِهِ وَدُعَائِهِ
فِي الصَّلَاةِ وَغَيْرِهَا عِنْدَ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى تَنْبِيْهَا عَلَى
التَّوْحِيدِ)

Maksudnya : "Nabi SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuknya tanpa menggerakkan jari ketika bertasyahhud dan berdoa di dalam solat dan perbuatan selainnya. Perbuatan ini dilakukan oleh Baginda SAW ketika mana Baginda menyebut lafaz (اللَّهُ). lanya sebagai suatu isyarat tauhid." - tamat dari '*Ar-Raudh AI-Murabba*' - kitab ini merupakan kitab ringkasan yang muktamad di kalangan ulama' Al-Hanabilah.

Berkata pula Syeikh Al-Mazhab al-Hanabilah iaitu Imam Ibn Qudamah Al-Hanbali di dalam kitabnya *Al- Mugni* m/s 534 juz 1:

وَيُشِيرُ بِسَبَابَتِهَا يَرْفَعُهَا عِنْدَ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى فِي تَشَهُدِهِ
لِمَا رَوَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وآلِهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُشِيرُ بِإِصْبَعِهِ وَلَا يُحَرِّكُهَا.

Imam Ibn Qudamah Al-Hanbali di dalam kitabnya *Al-Mugni* m/s
534 juz 1:

(وَيُشِيرُ بِالسَّبَابَةِ يَرْفَعُهَا عِنْدَ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى فِي تَشَهُدِهِ
لِمَا رَوَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وآلِهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُشِيرُ بِإِصْبَعِهِ وَلَا يُحَرِّكُهَا).

Maksudnya : "Baginda SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuk
dengan mengangkatnya ketika Baginda menyebut lafaz (الله) ketika
bertasyahhud.

Perkara ini ditentukan berdasarkan kepada hadis yang
diriwayatkan oleh Abdullah bin Al-Zubair yang bermaksud:
"Sesungguhnya Nabi SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuknya
dan Baginda SAW tidak menggerakkannya." Hadis ini diriwayatkan
oleh Abu Daud." - tamat.

Kesimpulannya, siapakah yang lebih memahami perkataan
Imam Ahmad ini? Adakah Ibn Qudamah Al-Hanbali yang bergelar
Syeikh Mazhab Al-Hanabilah ataupun Syeikh Al-Baani dan Salafi
Modern.? Fikir-fikirkanlah!

Di dalam kitab *Al-Mubdi' Syarh Al-Mughni* oleh Imam Ibn
Muflih Al-Hanbali m/s 462 juz 1 pula menaskan:

(وَعَلَى كُلِّ حَالٍ لَا يُحَرِّكُهَا فِي الْأَصْحَحِّ لِفِعْلِهِ عَلَيْهِ
السَّلَامُ، قَالَ فِي الْغَنِيَّةِ: وَيَدِيمُ نَظْرَهُ إِلَيْهَا فِي كُلِّ
تَشَهُدِهِ لِخَبَرِ ابْنِ الزُّبَيْرِ، رَوَاهُ أَحْمَدُ).

Maksudnya : "Nabi SAW tidak menggerakkan jari telunjuknya sewaktu dalam kesemua hal mengikut pendapat yang paling sah. Hal ini berdasarkan kepada perbuatan Baginda SAW sendiri." Dan berkata pula Imam Ibn Qudamah di dalam kitab Al-Ghunya: "Dan Nabi SAW sentiasa melemparkan pandangannya ke arah telunjuknya sewaktu bertasyahhud. Ketentuan ini jelas berdasarkan hadis Ibn Al-Zubair melalui riwayat Ahmad." - tamat.

Jika ditakdirkan bahawa Imam Ahmad itu sependapat dengan Syeikh Al-Baani di dalam soal ini. Hal ini pula sebenarnya bertentangan dengan ketentuan As-Sunnah. Adakah beliau akan terus bersikap keras kepala fanatik kepada Imam Ahmad atau mahu mengikut sunnah??

5) Mengenai dakwaan Syeikh Al-Baani yang mengatakan bahawa menggerakkan jari di dalam tasyahhud itu adalah sunnah yang tetap (pasti)...

Jawabnya ... Ya, perbuatan mengangkat jari telunjuk iaitu perihal menggerakkannya dengan sekali gerakan sahaja adalah sunnah yang *thabit* (jelas) tanpa ada pengulangan beberapa kali. Ia bukannya sebagaimana yang difahamkan oleh Tuan Syeikh Al-Salafi Al-Baani.

Bagi saya (penulis) : Sekiranya perkara ini benar sebagaimana yang beliau dakwa, nescaya Sayyidina Wail bin Hujr RA tidak pula berkata: (ثُمَّ رَفَعَ إصْبَعَهُ فَرَأَيْتَهُ يُحَرِّكُهَا)

Maksudnya "Kemudian Baginda SAW mengangkat jari telunjuknya lalu saya melihat Baginda SAW menggerakannya."

Hadis ini sesekali tidak boleh dijadikan bukti menggerakkan jari secara berterusan. Ini kerana hadis ini secara zahirnya menyatakan bahawa Baginda SAW meletakkan jemarinya (terlebih dahulu). Kemudian Baginda mengisyaratkan telunjuknya berdasarkan hadis Sayyidina Ibn Umar RA sebagaimana tercatat di dalam Sahih Muslim:

(وَعَقَدَ ثَلَاثَةً وَخَمْسِينَ وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ)

Maksudnya: "Baginda SAW membuat lingkaran seperti angka 53 (dalam bahasa Arab) sambil mengisyaratkan dengan jari telunjuknya."

Maka, jelas di sini bahawa Baginda SAW mengisyaratkan jari telunjuknya selepas Baginda SAW meletakkannya semenjak awal tahiyat. Inilah makna *menggerakkan jari* sebagaimana yang dimaksudkan oleh Sayyidina Wail bin Hujr. Hal ini berlaku jika ditakdirkan bahawa lafaz riwayat ini sah dan tidak *syadz*.

Jika riwayat ini sah sekalipun, pastinya Sayyidina Wail bin Hujr tidak bermaksud untuk menggerakkan telunjuk itu secara langsung (berterusan) sebagaimana yang dinyatakan oleh nas secara zahirnya.

Akan tetapi di dalam soal ini, pendapat Syeikh Al-Baani secara keseluruhannya bertentangan daripada apa yang dimaksudkan oleh perawi hadis. Syeikh Al-Baani memaksudkan bahawa perbuatan *menggerakkan jari* di sini ialah disunatkan menggerakkannya secara berterusan bermula daripada permulaan duduk *tahiyat* hinggalah kepada salam. Perbuatan ini sebenarnya bertentangan dengan riwayat yang sah dengan lafaz (لَا يُحْرَسُ كُفَّهَا). Iaitu 'Nabi SAW tidak menggerakkannya: Inilah riwayat yang *thabit* (pasti) dan menguatkan hujjah kami.

- 6) Adapun dakwaan Syeikh Al-Baani bahawa "hadis dengan lafaz (لَا يُحْرَكُهَا) iaitu 'Nabi tidak menggerakkannya' itu tidak *thabit* (pasti) dari sudut sanadnya tidak boleh diterima sama sekali. Istimewa untuk anda, saya akan dedahkan status hadis ini beserta perawinya dan pendapat para Al-Huffaz mengenainya:

Berkata Imam Abu Daud di dalam Sunannya⁶ : "Menceritakan kepada kami Ibrahim bin Hassan Al-Mashishi, mengkhabarkan kepada kami Hajjaj daripada Ibn Juraij daripada Ziyad daripada Muhammad bin Ujian daripada Abdullah bin Al-Zubair RA mengatakan:

أَنَّهُ ذَكَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُشِيرُ
بِإصْبَعِهِ إِذَا دَعَا وَلَا يُحْرَكُهَا.

Maksudnya: "Sesungguhnya Nabi SAW mengisyaratkan jari telunjuknya ketika bertasyahud apabila Baginda berdoa tanpa menggerakkannya."

⁶ Isyarat ketika bertasyahud di dalam 'Bab Solat' hadis bernombor – 989.

**SENARAI PERAWI HADIS DAN
PENDAPAT AHLI JARH DAN TA'DIL TENTANG MEREKA**



- 1) Ibrahim bin Al-Hassan Al-Mashishi: Al-Hafiz Ibn Hajr di dalam kitabnya *Taqrib At-Tahzib*⁷ m/s 89 bernombor 164 mengatakan: "Dia seorang yang dipercayai."
- 2) Hajjaj bin Muhammad: berkata Abi Hatim Ar-Razi di dalam kitabnya *Ar-Jarh wa Ta'dil* m/s 66/708 juz 3, berkata Ali bin Al-Madini: "*Thiqah* (dipercayai) benar." Al-Hafiz Ibn Hajar pula di dalam *Taqrib At-Tahzib* m/s 153 bernombor 1135 menghukumkan: Dia seorang yang *thiqah* (dipercayai) dan *dhabit* (kuat ingatan)⁸.
- 3) Ibn Juraij: berkata Abi Hatim Ar-Razi di dalam *Al-Jarh wa Ta'dil* m/s 357/1687 juz 5 "Imam Ahmad RHM menegaskan dengan katanya: "Ibn Juraij ini seorang yang *thabit* (tetap) sahih hadisnya. Dia tidak menghadiskan sesuatu secara sembarangan."
- 4) Ziyad bin Saad: berkata Abi Hatim Ar-Razi di dalam *Al-Jarh wa Ta'dil* m/s 533/2408 juz 5 "Imam Ahmad menyatakan bahawa beliau seorang yang berasal daripada Khurasan yang *thiqah* (dipercayai)" - tamat. Manakala di dalam kitab *Taqrib At-Tahzib* pula Al-Hafiz Ibn Hajr menyifatkan bahawa beliau (Ziyad) seorang yang *thiqah* lagi *dhabit* (kuat ingatan).
- 5) Muhammad bin Ujlan: Imam az-Zahabi di dalam kitabnya *Al-Mizan Al-I'tidal* m/s 663/7938 juz 3 menjelaskan bahawa Muhammad bin Ujlan ini adalah seorang Imam yang benar lagi

⁷ Sila lihat *At-Taqrib At-Tahzib* cetakan Dar Al-Basyair- tahkik Syeikh Muhammad Awamah. Semoga Allah memberi petunjuk kepadanya.

⁸ Adapun perkara yang dinyatakan oleh sesetengah mereka kurang cerdas dan bersikap hanya tahu membangkang sifatnya adalah tidak berharga sama sekali.

masyhur. Imam Ahmad, Sufyan Uyainah dan Abu Hatim mempercayainya. Di samping itu, dia juga salah seorang daripada perawi Imam Muslim dan *Arba'ah* (Abu Daud, Tirmirdzi, Nasaie dan Ibn Majah).

- 6) 'Amir bin Abdullah: berkata Abu Hatim Ar-Razi di dalam *Al-Jarh wa Ta'dil* m/s 325/1810 juz 6: "Imam Ahmad menghukum *thiqah*, bahkan antara orang yang dipercayai di zamannya." - Tamat.
- 7) Di dalam *Taqrib At-Tahzib* pula, al-Hafiz Ibn Hajr menyifatkan beliau seorang yang *thiqah*, ahli ibadat dan merupakan salah seorang perawi dari *Kutub al-Sittah* (Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi, Ibn Majah dan Ahmad).

Melalui takhrij ke atas perawi-perawi hadis ini, terbukti kepada kita bahawa mereka semua terdiri daripada orang-orang yang adil lagi *thiqah* (dipercayai).

Marilah kita ikuti pula pendapat al-Huffaz (penghafaz hadis) tentang perawi-perawi yang meriwayatkan hadis Abdullah bin Al-Zubair. Ia adalah seperti berikut:-

Al-Imam al-Hafiz al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Majmu' Syarh Al-Muhadzab* m/s 454 juz 3 mengatakan: "Imam Al-Baihaqi telah menyebut hadis ini dengan sanad-sanadnya yang sahih daripada Ibn Al-Zubair bahawa Rasulullah SAW mengisyaratkan jari telunjuk (ketika bertasyahhud) apabila Baginda berdo'a (membaca selawat Ibrahimiyah) tanpa menggerakkannya - Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad-sanad yang sahih."⁹

Jelaslah bagi kita bahawa hadis ini tidak mengandungi apa-apa masalah pada sanadnya. Hairan ya, bagaimana Syeikh Al-Baani boleh

⁹ Sila lihat Sunan al-Baihaqi m/s 131/132 juz 2

menghukum hadis ini dengan *dhaif* (lemah)? Tidak syak lagi bahawa beliau menghukum lemah hadis ini kerana kandungannya tidak menepati apa yang dikehendakinya. Iaitu bertentangan dengan pendapatnya yang menyatakan bahawa disunatkan menggerakkan jari telunjuk secara langsung (terus-menerus) sewaktu bertasyahhud.

Syeikh Al-Baani mengatakan : "Sekiranya hadis yang mengandungi lafaz (لَا يُحَرِّكُهَا) itu sesuatu yang thabit (pasti) nescaya ia akan bertindak sebagai penafi. Manakala lafaz hadis (يُحَرِّكُهَا) itu adalah hadis bab (induk) yang musbit (menetapkan). Dalam soal ini, sesuatu al-musbit (yang menetapkan) itu hendaklah didahulukan ke atas yang menafi sebagaimana yang diketahui umum di kalangan ulama' usul fiqh." - tamat.

Bagi saya (penulis): Perkataan "Sekiranya hadis itu thabit (tetap)" dari Syeikh Al-Baani memberi maksud bahawa hadis berkenaan adalah sahih. Kesahihan sesuatu hadis berlaku apabila ia ditetapkan oleh seseorang yang tampil menjelaskan kesahihannya kepada awam. Jadi, rupa-rupanya Al-Baani sendiri tertipu dengan peringatan yang telah beliau nyatakan sendiri. Seolah-olah hadis ini sahih juga menurutnya. Akan tetapi, beliau terpaksa menutup kesahihan hadis ini kerana tidak sependapat dengan apa yang diinginkan oleh beliau.

Kesimpulannya, hadis di atas adalah sahih sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para alim ulama'. Pengesahan yang dibuat oleh Imam al-Hafiz Al-Baihaqi dan Imam Al-Hafiz Al-Nawawi RHM itu sudah memadai bagi kita.

Sesungguhnya jika kita mengandaikan bahawa riwayat Wail bin Hujr yang mengandungi lafaz (يُحَرِّكُهَا) iaitu "Nabi menggerakkannya" itu sah tanpa syadz. Nescaya ia akan menampakkkan percanggahan dengan riwayat yang dibawa oleh

Ibn Al-Zubair dengan lafaz hadis (لَا يُحَرِّكُهَا). Iaitu "Dia (Nabi) tidak menggerakkannya." Hal ini secara zahirnya memang menampakkan pertentangan yang nyata. Mengikut kaedah usul fiqh pula, wajib bagi kita untuk menghimpunkan kedua-dua hadis tersebut. Hal ini jelas berdasarkan kepada kaedah yang telah dibuat oleh pakar Usul Fiqh:

فَالْجَمْعُ بَيْنَمَا تَعَارَضَ هُنَا
فِي الْأَوْلِيِّينَ وَاجِبٌ إِنْ كَانَ أَمْكِنَا

"Maka hendaklah menghimpun antara kedua riwayat yang bertentangan"

"Wajib menghimpunkan kedua-duanya itu jika ia memungkinkan"

Peliknya apabila kita melihat Syeikh Al-Baani mengatakan: "*Al-Musbit* (perkara yang menetapkan) itu hendaklah didahulukan ke atas yang menafi sebagaimana kaedah yang diketahui umum di kalangan ulama'.¹⁰

Dalam kes ini, kita memang mengakui bahawa yang menetapkan itu perlu didahulukan ke atas yang menafikan. Akan tetapi kaedah ini dibuat apabila kedua-duanya (nafi dan isbat) tadi tidak dapat dihimpunkan bersama. Inilah yang

¹⁰ Seorang murid Al-Baani di dalam kitabnya *Irsyad As-Saari* di bahagian ketiga Bab Puasa cetakan ke-4 m/s 43 sebagai berkata: "Kaedah usul fiqh mengatakan bahawa: Menafi itu hendaklah didahulukan berbanding dengan yang menetapkan: '...tamat. Perkara ini secara dasarnya dibuat untuk memperbetulkan perkataan tuan gurunya dan juga para ulama' usul. Di samping itu, ianya juga dibuat semata-mata untuk menolak hadis yang menetapkan adanya pada puasa sunat pada hari Sabtu yang *mutawatir* pada pandangan penulis dan menafikannya dengan hadis yang *dhaif* (lemah). Lihatlah para pembaca sekalian, bagaimana mereka memutar belit kaedah-kaedah Usul Fiqh mengikut apa yang mereka mahu. Seorang penyair ada berkata: "Sehari di Yaman apabila anda bertemu dengannya dia menyatakan dia orang Yaman" Tapi sekiranya anda bertemu di Madian, dia mengaku bahawa dia seorang Adnani"..

dikatakan sesuatu yang diketahui umum di kalangan ulama' Usul Fiqh. Ia bukannya memanipulasi kaedah bagi menegakkan hujjah yang salah.

Maka ketahuilah duhai insan yang mempunyai akal fikiran. Sesungguhnya Syeikh Al-Baani telah membuang kaedah : *'Apabila uzur (tidak memungkinkan) bagi kita untuk menghimpunkan antara keduanya'* di dalam membuat penilaian tentang masalah ini. Tindakan ini dilakukan supaya dengan pembuangan kaedah tersebut dapat mencapai maksudnya. Bahkan menyempurnakan apa yang diinginkannya. Sekalipun perkara tersebut dibuat secara *tadlis* (menyembunyikan kelemahan) dan banyak membuang perkataan (maksud asal) bagi kaedah terbabit. Kedua ini adalah sesuatu yang tidak penting baginya. Apa yang penting asalkan kehendaknya tercapai. *Nauzubillah !*

Sekali lagi, kami nyatakan bahawa, perkara yang benar di dalam kaedah ini ialah:

"Ulama' Usul Fiqh telah menetapkan bahawa yang menetapkan itu hendaklah didahulukan berbanding yang menafikan apabila uzur (tidak memungkinkan) bagi kita untuk menghimpunkan antara keduanya."

Hal ini jelas sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh pengarang *Al-Fiah Al-Usul* di dalam kitabnya *Maraqī As-Su'ud*:-

وَالْجَمْعُ وَاجِبٌ مَّتَى مَا أَمْكَنَّا
إِلَّا فَلِلْأَخْيَرِ نَسْخٌ بَيْنَنَا

"Menghimpunkan kedua nas yang bercanggah itu adalah wajib jika ia memungkinkan. Jika tidak, yang akhir itu akan menghapuskan yang awal."

Justeru itu, semestinya bagi kita, sebelum kita membuat perhimpunan antara kedua hadis tersebut daripada pakar hadis dan feqh, perlulah bagi kita meneliti terlebih dahulu kesahihan kedua hadis tersebut. Sekarang, sudah terbukti bagi kita bahawa hadis dengan lafaz (يُحَرِّكُهَا) itu adalah **Syadz**. Yakni bertentangan dengan sebahagian besar periwayatan yang lebih *thiqah*. Marilah kita ikuti keterangan yang berkaitan dengannya:-

PENJELASAN TERHADAP SYADZNYA LAFAZ (يَحْرُكُهَا)
PADA HADIS WAIL BIN HUJR

Ketahuiilah (mudah-mudahan kalian dirahmati Allah) bahawasanya al-Imam al-Hafiz Abu Bakar bin Khuzaimah telah menyatakan kepada kita dengan jelas bahawa lafaz (يَحْرُكُهَا) pada hadis ini adalah *Syadz*. Iaitu bertentangan dengan perawi-perawi yang lebih dipercayai.

Imam Ibn Khuzaimah dengan jelas mengemukakan pandangan ini dalam *Sahihnya* m/s 354 juz 1 yang berbunyi: "Tidak ada satupun daripada hadis-hadis yang diriwayatkan dengan lafaz (يَحْرُكُهَا) melainkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Zaidah bin Qudamah."¹¹

Selepas dibuat pendetailan di dalam *Al-Musnad, As-Sunan,* dan *Ma'ajim* serta lain-lain, kita akan dapati bahawa hadis ini diriwayatkan oleh para penghafaz yang dipercayai. Di dalam meriwayatkan hadis ini, kesemua mereka tidak menyebut dengan lafaz (يَحْرُكُهَا) melainkan Zaidah yang berkeseorangan sahaja. Beliau juga merupakan seorang yang dipercayai di dalam meriwayatkan hadis.

Apabila bertentangan riwayat beliau (Zaidah) dengan baki riwayat *thiqah* yang lain ia akan menjadi *syadz* tanpa syak. Justeru,

¹¹ Saya telah mengkaji hadis yang terdapat di dalam *Sahih Ibn Khuzaimah* yang telah ditahqiq dan dicetak, maka saya dapati tidak ada huruf ta' diakhirnya. Maka jadilah diakhirnya *Illa fi haza khabar Za'id*. Maka ia dibaca dengan maksud: Tiada riwayat dengan lafaz (يَحْرُكُهَا) riwayat ini datang dengan lafaz tambahan.

riwayat ini ditolak. Lebih-lebih lagi wujudnya riwayat yang sahih daripada Ibn Al-Zubair yang telah diakui oleh para huffaz serta riwayat Sayyidina Ibn Umar RA yang terkandung di dalam Sahih Muslim. Kedua-dua riwayat ini secara jelas tidak menyebut lafaz "menggerakkan jari".

Insya Allah di bawah ini, kami jelaskan nama penghafaz hadis (yang dipercayai itu) yang meriwayatkan hadis Wail bin Hujr tanpa **menyebut lafaz "menggerakkan jarinya"**.

Riwayat ini bertentangan dengan riwayat Zaidah bin Qudamah yang menyebut tentang menggerakkan jari telunjuk.

- 1) Sufyan At-Thauri
- 2) Sufyan bin Uyainah
- 3) Syu'bah bin Al-Hajjaj
- 4) Abdul Al-Wahid bin Ziad
- 5) Abdullah bin Idris
- 6) Zuhair bin Muawiyah
- 7) Abu A'wanah Al-Yasykuri
- 8) Abu Al-Ahwas Salam bin Salim
- 9) Bisr bin Al-Mufadhhal
- 10) Khalid bin Abdullah At-Tauhhan(Kesemua mereka penghafaz yang dipercayai)
- 11) Ghilan bin Jami' (dipercayai)

Insya Allah, kami jelaskan secara terperinci tentang riwayat ini melalui penghafaz yang dipercayai satu persatu. Kami juga akan mendedahkan kedudukan riwayat mereka menerusi kitab-kitab Al-Sunnah.

Situasi ini membuktikan bahawa kaedah untuk menghimpunkan dua hadis (mengikut kaedah fuqaha' dan ahli hadis) itu tidak sah untuk dilakukan di sini. Ini kerana kaedah ilmu hadis dan usul feqh ada menegaskan bahawa apabila terdapat yang dipercayai yang bertentangan dengan riwayat yang kebanyakan yang dipercayai maka hukumnya adalah syadz. Lagi pula,

terdapat hadis-hadis yang sahih yang tampil menafikan adanya perbuatan "menggerakkan jari" di dalam tasyahhud secara berterusan.

Hal ini membuktikan kepada kita Al-Baani tidak membuat pertimbangan yang wajar dalam menghukum sahih sesuatu hadis dan tidak membuat kepastian yang mendalam tentang kedudukan dua hadis yang mengadungi lafaz "menggerakkan jari" dan "tidak menggerakkan".

Tenyata, beliau sebenarnya telah membuat keputusan tanpa dalil dan hujjah yang boleh diterima secara ilmiah. Sebenarnya, hadis yang mengandungi lafaz (يُحَرِّكُهَا) itu merupakan tambahan atas kepercayaan. Hal ini jelas sebagaimana mengikut peraturan Ilmu Mustalah Hadis. Berkata Al-Imam Al-Hafiz Al-Iraqi di dalam Alfiah'nya ketika menjelaskan kaedah ilmu hadis yang berbunyi:

وَذُو الشُّذُوذِ مَا يُخَالِفُ الثَّقَّةَ،
فِيهِ الْمَلَأَ فَالشَّافِعِيُّ حَقَّقَهُ

"Dan yang syadz itu perkara bertentangan dengan At-thiqah."
"Di dalamnya banyak sekali, As-Syafie pun mengakuinya."

Kemudian beliau berkata lagi di dalam syarahnya: "Para ulama' telah berselisih pendapat di dalam menentukan ciri-ciri hadis *syadz*. Menurut pendapat Imam Al-Syafie, sesuatu hadis itu tidak dikatakan *syadz* apabila ianya hanya diriwayatkan oleh perawi yang thiqah (tanpa ada riwayat yang lain yang bertentangan). Perkara yang dimaksudkan dengan *syadz* itu ialah suatu hadis yang diriwayatkan oleh perawi dipercayai tetapi berbeza dan bersendirian dengan perawi yang lain. Inilah jua pendapat yang diajukan oleh Abu A'la Al-Khalili yang diambil daripada ulama' Hijaz.

Manakala menurut pendapat Al-Hakim, hadis *syadz* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang dipercayai secara berkeseorangan (berasingan) dengan perawi-perawi *thiqah* yang lain. Hadis tersebut tidak disyaratkan berselisihan dengan riwayat yang lain.

Berkata lagi Al-Iraqi di dalam *Syarh Ziyadah At-Thiqah*: "Sesungguhnya Al-Hafiz Syeikh Ibn As-Solah telah membahagikan tambahan atas kepercayaan (*Ziyadat At-Thiqah*) kepada beberapa bahagian. Seraya berkata: "Sesungguhnya aku telah melihat pembahagian riwayat yang berkeseorangan perawinya kepada tiga pembahagian. Salah satu darinya ialah:-

"Pertama, riwayat yang bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh para perawi yang lain yang dipercayai. Hukum riwayat ini adalah tertolak sebagaimana yang telah diterangkan di dalam bahagian *syadz*."

Bagi saya (penulis): Tidak ada seorang pun yang turut meriwayatkan apa yang telah diriwayatkan oleh Zaidah. Imam Al-Hafiz Ibn Khuzaimah telah menjelaskan kepada kita dalam sesi penjelasannya yang lepas tentang hal ini.

Jika kita mengandaikan bahawa hadis dengan lafaz (يَحْرِكُهَا) yang bermaksud "Nabi SAW menggerakannya" itu tidak *syadz*. Maka harus bagi kita untuk menghimpunkannya. Walaupun hasil daripada himpunan kedua-dua hadis ini membawa makna menggerakkan jari, namun gerakkannya itu hanyalah sekali sahaja. Ia bukan sebagaimana yang didakwa oleh mereka yang nyata tertipu dengan pendapatnya sendiri.

KAEDAH MENGHIMPUNKAN DUA HADIS MENURUT ULAMA' USUL FIQH DAN ULAMA' HADIS.



Ketahuiilah (semoga kalian dirahmati Allah) bahawa perkara yang dimaksudkan oleh Sayyidina Wail bin Hujr pada lafaz (يُحَرِّكُهَا) itu ialah menggerakkan jari telunjuk sekali sahaja. Ia selaras dengan perbuatan Nabi SAW yang tidak menggerakkan jari telunjuk daripada awal tahiyat. Akan tetapi baginda menggerakkan telunjuknya ketika melafazkan (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).

Adapun hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Abdullah bin Al-Zubair itu pula tampil menafi perbuatan menggerakkan jari secara berterusan. Maknanya perbuatan menggerakkan jari telunjuk hanya cukup untuk sekali sahaja. Jadi, apa yang jelas di sini ialah tidak ada pertentangan antara dua hadis. Inilah penjelasan secara ringkas.

Di sini kami bawakan penjelasan beberapa ulama' yang kami nuqilkan daripada kitab-kitab mereka:-

Imam Al-Nawawi RHM di dalam kitabnya *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab m/s 455 juz 3* daripada *Sunan Al-Kubra Al-Baihaqi m/s 132 juz 2*. Kami bawakannya di sini secara ringkas.

Dan sesungguhnya kami telah membawakan fatwa Imam Al-Nawawi yang mengatakan bahawa dimakruhkan menggerakkan jari secara berterusan di dalam solat. Turut menguatkan pendapat kami ini ialah apa yang telah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud di dalam Sunannya dengan sanad yang sahih daripada Numair Al-Khuza'ie. Numair sebagai berkata :

(رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ وَاضِعًا ذِرَاعَهُ الْيُمْنَى
عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى رَافِعًا إصْبَعَهُ السَّبَابَةَ قَدْ حَنَاهَا شَيْئًا)

Maksudnya : "Aku melihat Nabi SAW meletakkan telapak tangannya di atas paha kanan sambil membengkokkan sedikit jari telunjuknya."¹²

Adapun hadis (لَهَا أَشَدُّ عَلَى الشَّيْطَانِ مِنَ الْحَدِيدِ) bermaksud: "Menggerakkan jari telunjuk itu terlebih berat ke atas syaitan berbanding besi".

Hadis ini tidak boleh dijadikan dalil untuk menggerakkan jari secara berterusan. Akan tetapi maksud sebenar hadis ini ialah mereka yang bertasyahhud itu apabila mereka mengangkat jari telunjuknya merupakan manifestasi isyarat tauhid, seolah-olah mereka memukul syaitan lebih hebat berbanding besi.

Hadis ini bukan bermaksud syaitan itu berada di bawah telunjuk ketika kita menggerakkannya. Andaian yang mengatakan bahawa

¹² Hadis ini telah disahkan oleh para Huffaz (Ahli hadis). Malik bin Numair Al-Khuzai'e adalah seorang yang diterima pada sanadnya. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Hajr di dalam *At-Taqrīb wa At-Tahzīb*. Tidak ada hadis yang diriwayatkan daripada beliau melainkan seorang perawi sahaja. Dan para huffaz telah mengesahkan hadisnya. Dan kebanyakan orang-orang yang *thiqah* mempercayai riwayatnya kerana hadis ini bukan hanya diriwayatkan oleh beliau seorang sahaja. Mereka seperti Thabit bin Qais Az-Zarqi al-Madini. Saya telah menjelaskan hal ini satu persatu di dalam kitab saya *Imta' Al-Ilhaz bi Tausiq Al-Huffaz*. Dan Imam Al-Hafiz Ibn Khuzaimah telah menghukum sahih hadis Malik bin An-Numair Al-Khuzai'e ini di dalam Sahihnya m/s 354. Al-Hafiz Ibn Hajr juga turut mengakuinya di dalam kitabnya *Al-Isobah* ketika menterjemahkan perawi ini bernombor 8807. Di samping itu, Ibn Hibban juga telah meriwayatkan hadis ini di dalam sahihnya m/s 202 juz 3 bernombor 1943. Begitu juga dengan Abu Daud (tanpa reaksi) di dalam sahihnya m/s 260 juz 1 bernombor 911. Saya rasa keterangan ini sudah mencukupi bagi kita untuk menghukum hadis ini dengan *sahih*. Sayang sekali, Syeikh al-Baani telah menghukumnya *dhaif* (lemah) hadis ini di dalam kitabnya *Taman Al-Minnah*, kemudian saya dapati beliau menghukum *sahih* pula hadis Malik bin An-Numair Al-Khuzai'e ini di dalam kitabnya *Sahih Sunan An-Nasaie* m/s 272 juz 1. Dan ternyata ini adalah *tanaqudh* (berlawanan) sama sekali, Maka berhati-hatilah.

syaitan berada di bawah telunjuk hanyalah satu kesamaran sahaja. Dan dengan kesamaran inilah orang yang menggerakkan jari telunjuknya beranggapan bahawa mereka sedang membelasah syaitan. Pendapat seperti ini tidak diperkatakan oleh orang-orang yang berakal.

Sebagai satu peringatan di sini, dinyatakan bahawa hadis :

(لَهِيَ أَشَدُّ عَلَى الشَّيْطَانِ مِنَ الْحَدِيدِ)

Maksudnya : "Menggerakkan jari telunjuk itu terlebih berat keatas syaitan berbanding besi"

Hadis ini dihukum **dhaif** dari sudut sanadnya. Pada sanad hadis ini terdapat seorang perawi yang dihukum *thiqah* (dipercayai) oleh Ibn Hibban. Akan tetapi perawi itu juga dihukum *dhaif* oleh jumhur (majoriti) ulama'.

Buktinya, Imam Al-Hafiz Ibn Hajr Al-Asqalani di dalam *At-Taqrib wa At-Tahzib* menyatakan: "Kathier bin Zaid ialah seorang yang benar. Tetapi selalu membuat silap di dalam meriwayatkan hadis. Dia bukanlah perawi daripada Bukhari dan Muslim (Sahihain)".

Dan berkemungkinan besar Syeikh Al-Baani telah menghukum lemah sanad yang lebih kuat daripadanya. Hal seperti ini biasa diketahui sebagaimana yang tertera di dalam kitab-kitab dan penulisan Syeikh Al-Baani sendiri. Sebagai contoh, Syeikh Al-Baani di dalam "Sahih"nya, ketika memuatkan hadis bernombor 343 sebagai berkata : "Sebagaimana yang telah dimaklumkan bahawa hukum *thiqah* (percaya) yang telah ditetapkan oleh Ibn Hibban itu tidak muktamad menurut para *muhaqqiq* yang terdiri daripada para ulama' dan pengkritik hadis. Antaranya ialah Al-Zahabi". - Tamat.

Dan sesungguhnya Syeikh Al-Baani telah menentang pendapatnya sendiri dan menolak pendapat Al-Hafiz Al-Munziri ketika mana beliau telah menghukum *hasan* sanad hadis yang

telah dihukum *thiqah* oleh Ibn Hibban. Beliau berkata di dalam Sahihnya (hadis yang bernombor 105) berbunyi : "Dalam hal ini, pada pendapat saya ketetapan *thiqah* Ibn Hibban itu adalah bersifat lembut".

Dalam sudut yang lain, beliau (Al-Baani) berkata lagi di dalam kitabnya *Hijab Al-Mar'ah* m/s 110 : "Dalam hadis ini terdapat sebilangan ramai perawinya yang tidak dikenali (majhul). Sekalipun Ibn Hibban telah menghukum mereka dengan *thiqah* di dalam kitabnya *At-Thiqah*, semua itu tidak bererti apa-apa. Walaupun Al-Hafiz Al-Busoiri juga telah menganggapnya *hasan*. Akan tetapi sanadnya bukan *hasan*." - Tamat.

Kemudian Syeikh Al-Baani sekali lagi telah menentang pendapatnya. Beliau telah menghukum sahih hadis Abdullah bin Yassar dan telah menyokong Abdullah. Sedangkan Abdullah bin Yassar tidak dipercayai oleh para huffaz kecuali Ibn Hibban. Al-Baani mendakwa terdapat sekumpulan orang yang dipercayai telah meriwayatkan hadis daripada Abdullah bin Yassar. Lihatlah kitab *Hijab Al-Mar'ah* karangan Syeikh Al-Baani m/s 67 sebagai rujukan.

Di samping itu, beliau juga telah menghukum hasan hadis Al-Muhajir bin Amr dengan ketanya: "Al-Muhajir dihukum sebagai seorang yang dipercayai oleh Ibn Hibban. Lagi katanya: "Dan sekumpulan orang-orang yang dipercayai turut meriwayatkan daripada Al-Mu7hajir" (lihatlah kitab *Hijab Al-Mar'ah* karangan Syeikh Al-Baani m/s 101).

Lagi katanya sebagai komentar terhadap Yahya bin Malik. Hadisnya (Yahya bin Malik) adalah *hasan* (baik). Insya Allah kerana kedudukannya sebagai tabiin. Satu kumpulan daripada orang-orang yang *thiqah* pun turut meriwayatkan daripadanya (Yahya)." - (Sahih Al-Baani).

Selain itu Syeikh Al-Baani juga turut menghukum *hasan* (baik) hadis Ibn Salith. Sedangkan Ibn Salith tidak dipercayai riwayatnya melainkan menurut pendapat Ibn Hibban. Hanya seorang dua sahaja perawi yang meriwayatkan hadisnya. Sila lihat kitab *Adab Az-Zafaf* karangan Syeikh Al-Baani m/s 64 dan 88 cetakan AI-Qadimah.

Selain kes di atas, Syeikh Al-Baani juga turut menghukum lemah periwayatan Imam Abu Hanifah RHM. Kita boleh dapati hal ini bila kita melihat tradisi *taqlid* (ikutan) Al-Baani ke atas kitab *As-Sunnah* karangan Ibn Abi 'Asim m/s 76. Sedangkan telah berlaku ijmak ulama' bahawa Imam Abu Hanifah RHM seorang yang dipercayai sejak mula lagi. Lihatlah pembaca sekalian, bagaimana Syeikh Al-Baani boleh mengkritik sembarangan terhadap Imam Besar Abu Hanifah RHM.?!

**PENJELASAN TERHADAP HADIS WAIL BIN HUJR YANG
MEMPUNYAI LAFAZ "MENGGERAKKAN JARI" KETIKA
BERTASYAHHUD**



Saya telah mengambil konklusi berdasarkan apa yang telah dijelaskan oleh Syeikh Syuib Arnawuth. Di sini, saya akan sebutkan hadis tersebut secara lebih mendalam.

Imam Ahmad RHM telah meriwayatkan hadis ini di dalam kitabnya *Al-Musnad* m/s 318 juz 4 melalui Abdul Samad. Hadis ini juga turut diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah di dalam Sahihnya bernombor 714. Manakala Imam Al-Baihaqi meriwayatkan hadis ini di dalam Sunannya m/s 132 juz 2 melalui Mua'wiyah bin Amr.

Imam Ibn Jaarud pula mencatatkan hadis ini di dalam Sunannya yang bernombor (208) melalui Abdul Rahman bin Mahdi. Ibn Hibban juga telah meriwayatkan hadis ini di dalam Sahihnya melalui Abi al-Walid al-Thoyalasi bernombor (485).

Kelima-lima riwayat mereka ini adalah daripada Zaidah bin Qudamah. Seraya berkata: "Telah mengkhabarkan kepada kami 'Asim bin Kulaib, ayah saya menceritakan kepada saya daripada Wail bin Hujr yang berbunyi ; "Dan baginda telah membuat satu lingkaran dengan dua jarinya. Kemudian Baginda mengangkat jari telunjuknya, lalu aku dapati Baginda SAW menggerakkannya sambil berdoa menyeru kalimah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)." "

Hadis ini sahih dari sudut sanadnya, akan tetapi lafaz "menggerakkannya" adalah syadz. Hadis ini menyaksikan hanya Zaidah sahaja yang meriwayatkannya. Ianya berbeza dengan riwayat daripada sahabat 'Asim bin Kulaib yang lain seperti: Suf'yan bin I'yamah, Khalid bin Abdullah Al-Waasithi, Qais bin

Ar-Rabi', Abu Al-Ahwas, Salam bin Salmi, Sufyan At-Tsauri, Syu'bah, Abdullah bin Idris, Zuhair bin Muawiyah, Abu Awanah, Abdul Wahid bin Ziyad dan Bisyr bin Al-Mufaddhal.

Hadis Sufyan bin Uyainah daripada 'Asim dicatat oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya m/s 318 juz 4, Al-Humaidi di dalam Musnadnya no: 885, An-Nasaie m/s 34-35 juz 3, At-Thabrani m/s 78/85 juz 22 adalah dengan lafaz **"Dia (Nabi) SAW mengisyaratkan dengan telunjuknya"**.

Dan hadis Khalid bin Abdullah Al-Waasithi dicatat oleh Imam Al-Baihaqi di dalam sunannya m/s 131 juz 2 dengan lafaz:

(وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ)

Maksudnya: "Dia (Nabi) mengisyaratkan dengan telunjuknya".

Adapun hadis Qais bin Ar-Rabi' dicatat oleh Imam At-Thabrani di dalam Mu'jamnya m/s 79 juz 22 dengan lafaz:

(وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ يَدْعُو بِهَا)

Maksudnya : "Dia (Nabi) mengisyaratkan dengan telunjuknya sambil berdoa".

Dan hadis Abi al-Ahwas bin Salim dicatat oleh Imam at-Thoyalasi bernombor 1020 ialah dengan lafaz :

(جَعَلَ يَدْعُو هَكَذَا يَعْنِي بِالسَّبَابَةِ يُشِيرُ بِهَا)

Maksudnya : "Baginda membuatnya begini sambil berdoa, iaitu mengisyaratkan dengan jari telunjuknya." Beginilah juga yang termaktub di dalam at-Thabrani m/s 80 juz 22.

Imam Abdur Razzaq pula meriwayatkan hadis ini daripada Sufyan At-Tsauri di dalam kitabnya *Al-Musannaf* bernombor 2522 dengan lafaz :

(ثُمَّ أَشَارَ بِسَبَابَتِهِ)

Maksudnya : "Kemudian Baginda mengisyaratkan dengan jari telunjuknya."

Lafaz ini juga turut diriwayatkan oleh At-Thabrani m/s 81 juz 22.

Imam Ahmad RHM meriwayatkan hadis riwayat Iyubah di dalam Musnadnya m/s 316/379 juz 4. Imam At-Thabrani pula di dalam *Al-Mu'jam Al-Kabir* m/s 83 juz 22. Kedua-dua dengan lafaz:

(وَأَشَارَ بِمَسْبِحاتِهِ)

Maksudnya: "Dan Baginda mengisyaratkan dengan jari telunjuknya".

Dan riwayat Ibn Khuzaimah di dalam Sahihnya m/s 697/698 mencatatkan dengan lafaz:

(وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَابَةِ)

Maksudnya : "Dan Baginda SAW mengisyaratkan jarinya dengan telunjuknya."

Dan hadis Abdullah bin Idris Al-Awdiy menurut Imam Ibn Majah bernombor 912 lafaznya berbunyi:

(رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ حَلَّقَ الْإِبْهَامَ
وَالْوُسْطَى وَرَفَعَ الَّتِي تَلِيهِمَا يَدْعُو بِهَا فِي التَّشَهُدِ)

Maksudnya : "Aku melihat Nabi SAW telah membuat lingkaran ibu jarinya dengan jari tengahnya dan Baginda SAW mengangkat jari telunjuknya sambil berdoa ketika bertasyahhud."

Imam Ahmad sekali lagi meriwayatkan hadis ini, akan tetapi melalui Zuhair bin Muawiyah di dalam Musnadnya m/s 318 juz 4 dengan lafaz :

(وَقَبْضَ ثَنَتَيْنِ وَحَلَّقَ، ثُمَّ رَأَيْتُهُ يَقُولُ هَكَذَا، وَرَفَعَ زُهَيْرٌ
إِصْبَعَهُ الْمُسَبَّحَةَ)

Maksudnya : "Dan Baginda SAW menggenggam dua jarinya dan membuat bulatan. Kemudian aku melihat Baginda berbuat begini. Lalu Zuhair pun mengangkat jari telunjuknya." Lafaz juga diriwayatkan oleh At-Thabrani di dalam kitabnya *Mu'jam Al-Kabir* m/s 84 juz 22.

Selain itu, At-Thabrani juga meriwayatkan hadis ini melalui Abi A'wanah di dalam *Mu'jam Al-Kabir* m/s 90 juz 3 dengan lafaz:

(وَدَعَا بِالسَّبَابَةِ)

Maksudnya: "Dan Baginda berdoa dengan mengisyaratkan telunjuknya."

Dan hadis daripada Abdul Wahid bin Ziyad Al-Abadi dicatat oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya m/s 310 juz 4 dengan lafaz:

(وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَابَةِ)

Maksudnya: "Dan Baginda mengisyaratkan jari telunjuknya."

Dan hadis daripada Bisr bin Al-Mufaddhal dicatat oleh Imam An-Nasaie di dalam Sunannya m/s 35/36 juz 3; dengan lafaz:

(... وَقَبْضَ ثَنَتَيْنِ وَحَلَّقَ، وَرَأَيْتُ يَقُولُ هَكَذَا وَأَشَارَ -
بِشْرٍ - بِالسَّبَابَةِ مِنَ الْيُمْنَى وَحَلَّقَ الْإِبْهَامَ وَالْوَسْطَى)

Maksudnya: "Dan Baginda menggenggam jari jemarinya dan membuat lingkaran. Aku melihat Baginda membuat begini. Lalu Bisyr pun mengisyaratkan dengan telunjuknya yang kanan dan membuat lingkaran dengan jari tengah."

Kesemua perawi-perawi yang dipercayai itu terdiri dari kalangan sahabat 'Asim RA. Mereka meriwayatkan hadis ini tanpa adanya lafaz "Menggerakkan jarinya". Hanya Zaidah bin Qudamah sahaja yang meriwayatkan sedemikian.

Ini merupakan sejelas-jelas dalil yang menunjukkan bahawa riwayat Zaidah itu memberi kekeliruan. Lagi pula riwayat hadis yang diriwayatkan oleh para perawi yang dipercayai tadi turut disokong oleh beberapa hadis lain yang bertaraf *sahih-thabit*. Riwayat mereka itu tidak melalui Wail bin Hujr. Tegasnya, riwayat yang *sahih-thabit* (pasti) ini menjelaskan bahawa tidak ada lafaz (يُحَرِّكُهَا) "**menggerakkan jarinya**". Seseengah riwayat ini pula menetapkan isyarat telunjuk sahaja tanpa menggerakkannya.

Iman Malik RHM telah meriwayatkan hadis Abdullah bin Umar RA di dalam kitabnya *Al-Muwattho'* 88/89 juz 1. Begitu juga Imam Muslim dengan hadis bernombor 115 dan 580.

Imam Abu Daud turut meriwayatkan hadis ini di dalam Sunannya bernombor 987. Imam An-Nasaie di dalam Sunannya bernombor 1267 m/s 36 juz 3. Imam Al-Baihaqi meriwayatkannya di dalam Sunannya m/s 130 juz 2. Imam Abu A'wanah di dalam Sunannya m/s 223 juz 2. Imam Ahmad di dalam Musnadnya m/s 65 juz 2.

Kesemua hadis-hadis ini melalui riwayat Muslim bin Abi Maryam dan Ali bin Abdul Rahman Al-Maa'wi, beliau berkata :

(رَأَى عَبْدُ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ وَأَنَا أَعْبَثُ بِالْحَصَى فِي الصَّلَاةِ،
فَلَمَّا انْصَرَفَ نَهَانِي)

Maksudnya: "Sesungguhnya Abdullah bin Umar telah melihat aku bermain dengan anak-anak batu ketika solat. Apabila dia berpaling (selesai) solat maka dia melarangku. Lalu beliau berkata :

إِصْنَعُ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ
يَصْنَعُ، فَقُلْتُ: وَكَيْفَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَصْنَعُ؟ قَالَ:
كَانَ جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ، وَضَعَ كَفَّهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخْذِهِ
الْيُمْنَى، وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا، وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ الَّتِي تَلِي
الْإِبْهَامَ وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخْذِهِ الْيُسْرَى.

Maksudnya : "Lakukanlah apa yang dicontohkan Rasulullah SAW di dalam solatnya." Lalu aku bertanya: Apakah yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW? Beliau menjawab : "Adalah Rasulullah SAW apabila Baginda duduk di dalam solatnya, Baginda meletakkan telapak tangan kanannya di atas paha kanan, lalu menggenggam jari-jemari kesemuanya. Lalu Baginda SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuknya. Telapak tangan kirinya pula diletak di atas paha kirinya".

Hadis ini juga telah diriwayatkan oleh Imam Ibn Khuzaimah bernombor 719 di dalam Sahihnya. Riwayat ini melalui Ismail bin Jaafar, menceritakan kepada kami Muslim bin Abi Maryam, daripada Ali bin Abdul Rahman al-Maawi daripada Abdullah bin Umar RA.

Di samping itu, hadis Ibn Umar RA ini juga diriwayatkan oleh mereka dengan jalan periwayatan yang lain. Imam Muslim di dalam Sahihnya meriwayatkan hadis ini bernombor 580 dan 115. Imam Abu A'wanah RHM meriwayatkan di dalam Musnadnya m/s 224 juz 2. Imam Al-Baihaqi RHM mencatatkan di dalam Sunannya m/s 130 juz 2. Imam Ad-Daarimi RHM meriwayatkan di dalam Sunannya m/s 308 juz 1.

Hadis ini melalui Hamad bin Salmah dari Ayub, dari Nafi' dari Ibn Umar beliau berkata :

كَانَ إِذَا قَعَدَ فِي التَّشَهُّدِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ
الْيُسْرَى. وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى وَعَقَدَ
ثَلَاثَةً وَخَمْسِينَ وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ.

Maksudnya : "Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila duduk di dalam tasyahhud, Baginda meletakkan telapak tangan kirinya atas kepala lutut kirinya dan tangan kanan di atas kepala lutut kanannya sambil membuat angka lima puluh tiga (dalam bahasa arab). Baginda mengisyaratkan dengan jari telunjuknya.

Imam At-Tirmidzi pula mencatatkan riwayat Ibn Umar RA ini dengan jelas di dalam Sunannya yang bernombor 294. Imam Abi A'wanah mencatatkan di dalam Musnadnya m/s 225 juz 2. Imam Ibn Khuzaimah pula mencatatkan hadis ini dengan bernombor 717 di dalam Sahihnya. Kesemuanya meriwayatkan hadis ini melalui Abdul Razzaq dari Mua'mmar dari Ubaidillah bin Umar dari Nafi' dari Ibn Umar. Lafaz riwayat ini hampir sama dengan riwayat di atas. Bezanya, ada sedikit pembaharuan pada lafaznya.

Adapun hadis Abdullah bin Az-Zubair RA yang berbunyi:

(كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَعَدَ فِي الصَّلَاةِ جَعَلَ قَدَمَهُ الْيُسْرَى بَيْنَ فَخِذِهِ وَسَاقِهِ، وَفَرَّشَ قَدَمَهُ الْيُمْنَى، وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى، وَأَشَارَ بِإِصْبِعِهِ).

Maksudnya: "Adalah Rasulullah SAW apabila Baginda duduk di dalam solatnya, Baginda menjadikan kaki kirinya melintang antara paha dan lututnya. Baginda juga meluruskan kaki kanannya. Baginda juga meletakkan tangan kirinya di atas kepala lutut kirinya dan tangan kanannya di atas hujung paha (kepala lutut) kanannya. Lalu Baginda mengisyaratkan dengan telunjuknya".

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Sahihnya bernombor 579. Imam Abu Daud meriwayatkan di dalam Sunannya bernombor 988. Imam An-Nasaie meriwayatkan di dalam sunannya m/s 39 juz 3. Imam Ad-Daarimi meriwayatkan di dalam Sunannya m/s 308 juz 1. Imam Ibn Khuzaimah meriwayatkan di dalam Sahihnya bernombor 718. Imam Abu A'wanah di dalam Musnadnya m/s 212/222/226 juz 2. Imam Al-Baihaqi turut meriwayatkan di dalam Sunannya m/s 130/131 juz 2.

Manakala hadis Abdullah bin Az-Zubair dengan lafaz:

(كَانَ يُشِيرُ بِإِصْبِعِهِ إِذَا دَعَا وَلَا يُحَرِّكُهَا)

Maksudnya : "Adalah Nabi SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuknya apabila berdoa (di dalam tasyahhud) dan Baginda tidak menggerakkannya."

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Daud di dalam Sunannya bernombor 989, Imam An-Nasaie m/s 37 juz 2. Imam Abu A'wanah meriwayatkan di dalam Musnadnya m/s 226 juz 2. Imam Al-Baihaqi meriwayatkan di dalam Sunannya m/s 131 juz 2. Hadis ini melalui Hajjaj bin Muhammad Al-A'war.

Sanad hadis ini adalah *hasan*. Hal ini diakui oleh Ibn Juraij ketika menghadiskan kepada Abi A'wanah, An-Nasaie dan Al-Baihaqi. Imam Abu A'wanah telah menghuraikan hadis ini di dalam penjelasannya yang berbunyi *Penjelasan terhadap isyarat kepada tauhid dan melemparkan pandangan pada jari telunjuk tanpa menggerakkan jari ketika mengisyaratkannya*.

Imam At-Tirmizi pula di dalam Sunannya meriwayatkan hadis ini daripada Abi Hamid As-Sa'idi yang berbunyi:

(اجْتَمَعَ أَبُو حَمِيدٍ وَأَبُو أَسِيدٍ وَسَهْلُ بْنُ سَعْدٍ وَمُحَمَّدُ
بْنُ سَلَمَةَ فَذَكَرُوا صَلَاةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ
وَسَلَّمَ، فَقَالَ أَبُو حَمِيدٍ: أَنَا أُعَلِّمُكُمْ بِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ، إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ جَلَسَ - يَعْنِي لِلتَّشَهُدِ - فَافْتَرَشَ رِجْلَهُ
الْيُسْرَى، وَأَقْبَلَ بِصَدْرِ الْيُمْنَى عَلَى قِبْلَتِهِ وَوَضَعَ كَفَّهُ
الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى، وَكَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ
الْيُسْرَى وَأَشَارَ بِإصْبَعِهِ - يَعْنِي السَّبَابَةَ)

Maksudnya : "Telah berhimpun Abu Hamid, Abu Asid, Sahal bin Saad dan Muhammad bin Musalmah. Mereka menyebut-nyebut tentang solat Rasulullah SAW, Lalu Abu Hamid berkata ; "Aku akan mengajarkan kepada kamu tentang solat Rasulullah SAW "Sesungguhnya Rasulullah SAW duduk bertasyahhud (yang pertama) secara iftirasy. Iaitu dengan menyilangkan kedua betisnya sambil dadanya menghadap ke arah qiblat. Baginda SAW meletakkan telapak tangannya di atas kepala lutut kanan dan telapak kirinya di atas kepala lutut kiri. Kemudian Baginda SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuknya. Hadis ini bertaraf sahih ligharihi (kerana sesuatu hadis yang lain)"

Adapun hadis yang diriwayatkan Numair Al-Khuza'ie RHM ianya telah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud di dalam Sunannya bernombor 991. Imam An-Nisaie juga meriwayatkan di dalam Sunannya m/s 39 juz 3. Imam Ibn Majah meriwayatkan di dalam Sunannya bernombor 715/716. Manakala Imam Al-Baihaqi di dalam Sunannya m/s 131 juz 2. Kesemua riwayat ini melalui 'Asim bin Qudamah Al-Jadali menceritakan kepada saya Malik bin Numair Al-Khuza'ie (Ahli Basrah), ayahnya menceritakan kepadanya bahawa dia melihat Rasulullah SAW duduk di dalam solat dengan meletakkan tangan kanannya di atas paha kanan sambil mengangkat jari telunjuknya. Baginda membengkok sedikit jarinya semasa berdoa.

Hadis ini berstatus *hasan* dengan sokongan yang lain.¹³

¹³ Berdasarkan pemerhatian saya yang mendalam, saya dapati komentar yang telah dibuat oleh seorang penulis terhadap kitab al-Hafiz Ibn Rejab berjudul Khusyu' di dalam solat cetakan Darul Ammar cetakan pertama (1406 H) itu seperti abu-abu yang berterbangan. Apa yang dikarang penulisnya itu tidak mempunyai apa-apa faedah. Khususnya pada halaman m/s 7 pengtakhik kitab tersebut mendakwa bahawa: Abd Al-Azim berkata di dalam kitabnya *Auni Al-Ma'bud* m/s 374 juz 1 dengan katanya: "Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menggerakkan jarinya secara berterusan." – Tamat

Jika kita melihat nas Imam Abd Al-Azim tadi, kita dapati bahawa kenyataan yang dinuqilkan pengkritik ini tidak benar sama sekali. Sebenarnya, Imam Abd Al-Azim

**PENJELASAN TERHADAP MAKNA AT-TAHLIQ
(MEMBUAT BULATAN MENGGUNAKAN JARI JEMARI)**



Sebahagian kita menyangka bahawa *At-Tahliq* itu ialah menggerakkan jari telunjuk dengan membuat satu bulatan. Ini adalah sangkaan yang salah. Sebenarnya perbuatan yang dimaksudkan dengan *At-Tahliq* itu ialah seseorang yang mengerjakan solat ketika bertasyahhud menjadikan jari tengah (jari hantu) bertangkup dengan ibu jari diiringi dengan anak-anak jari yang lain. Tangkupan ini menjadikan satu bulatan. Perbuatan ini sebenarnya tidak membawa kepada makna menggerakkan jari. Demikianlah mengikut penjelasan daripada kitab-kitab Al-Sunan.

Sesungguhnya Imam Ahmad RHM telah meriwayatkan perihal *tahliq* ini di dalam kitabnya *Al-Musnad* m/s 316 juz 4. Imam Ibn Khuzaimah pula meriwayatkan hadis ini di dalam Sahihnya bernombor 697. Kedua riwayat ini melalui Wail bin Hujr RA yang berbunyi:

(رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَدْ حَلَّقَ الْإِبْهَامَ
وَالْوُسْطَى وَرَفَعَ التِّي تَلِيَهُمَا يَدْعُو بِهَا فِي التَّشَهُدِ).

Abbaadi juga turut menafikan perbuatan menggerakkan jari telunjuk di dalam *tasyahhud* secara berterusan sebagaimana yang dinafikan oleh para ahli ilmu. Maka, Segala puji bagi Allah.

Maksudnya : "Saya melihat Nabi SAW membuat bulatan antara jari tengah dengan ibu jarinya dengan mengangkat jari telunjuknya sambil berdoa ketika bertasyahhud".

Hadis ini juga turut diriwayatkan oleh Imam An-Nasaie di dalam Sunannya m/s 35/36 juz 3, akan tetapi dengan lafaz yang berlainan. Riwayat itu berbunyi:

(... وَقَبْضَ ثِنْتَيْنِ وَحَلَّقَ، وَرَأَيْتُهُ يَقُولُ هَكَذَا وَأَشَارَ
بِشُرِّ السَّبَابَةِ مِنَ الْيُمْنَى وَحَلَّقَ الْإِبْهَامَ وَالْوُسْطَى)

Maksudnya: "Rasulullah SAW menggenggam kedua jarinya lalu membuat bulatan. Saya melihat Baginda SAW membuatnya sebegini (lalu dia mengisyaratkan dengan telunjuknya dan membuat bulatan melalui jari tengah dengan ibu jarinya)" - Maka berhati-hatilah.

KESIMPULANNYA



Ini adalah serba sedikit penjelasan kami berdasarkan kemampuan dan tenaga kami yang kami bawaikan secara ringkas di dalam menangani permasalahan ini. Di sini kami telah menghukum makruh terhadap perbuatan menggerakkan jari telunjuk secara berterusan dalam solat. Pendapat ini sebenarnya berdasarkan kepada apa yang telah diputuskan oleh fuqaha-fuqaha Syafi'iyah. Perbuatan ini dihukum sedemikian selama mana ianya tidak bercampur dengan masalah-masalah yang lain seperti gatal dan sebagainya. Maka perhatikanlah baik-baik apa yang telah kami jelaskan di sini. Kepada Allah kita memohon kesudahan yang baik. Akhir kalam, kami sudahi dengan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian Alam.

Saya (penulis) selesai mengumpul risalah ini pada malam 15 Syawal 1408 hijrah Rasulullah SAW setelah saya mengambil beberapa ketika dan masa menyiapkannya.

Wassalam.



NOTA HUJUNG



1. Seperti hadis : "Sesiapa yang mendapati imam, maka bacaan imam itu adalah bacaan baginya." Sila lihat *Sifatus Solah* - Al-Baani m/s 95, cetakan ke-6. Sebenarnya hadis ini dihukum *ma'lul* (yang mempunyai kecacatan) menurut kesepakatan Al-Huffaz (penghafaz Hadis). Hal ini diceritakan oleh Al-Hafiz Ibn Hajr Al-Asqalani di dalam *Fath Al-Bari* m/s 242 juz 2 dan lain-lain. Demikian juga hadis "mengapa saya menentang" di dalam *Sifatus Solahnya* m/s 95. Kedua hadis ini sebetulnya telah disepakati oleh Al-Huffaz dan *I'lal* (pakar cacat hadis) serta pakar bidang hadis bahawasanya kedua-duanya adalah *ralat* (mengandung kesilapan). Dan mempunyai *idraj* (banyak kecacatan) yang menisbahkan lafaznya kepada Abu Hurairah. Akan tetapi, Abu Hurairah tidak sesekali melafazkannya. Hal ini telah dijelaskan oleh Imam Al-Nawawi di dalam "*Al-Majmu*" m/s 368 juz 3.
2. Seperti hadis Sayyidina Abdullah bin Az-Zubair. Insya Allah, kami akan perjelaskan kesahihan hadis ini di dalam babnya nanti. Pada hadis ini terdapat lafaz "Dia (Nabi SAW) tidak menggerakkannya." Lafaz ini dipandang dhaif (lemah) oleh Al-Baani yang dibawa oleh beliau di dalam buku *Sifat Solahnya*. Sila lihat "*Sifatus Solah*" Al-Baani m/s 170. Sebenarnya hadis ini telah dihukum sahih oleh para penghafaz hadis. Antaranya ialah Imam Al-Nawawi di dalam *Al-Majmu' Syarh Al-Muhadzab* m/s 454 juz 3. Manakala Imam Al-Baihaqi, Ibn Hibban, Az-Zahabi dan Ibn Hajr turut mengesahkannya.
3. Sesungguhnya seorang pengikut fanatik Alk-Baani telah menyangka hadis ini wujud di dalam sunan Abu Daud

bernomor 727. Dia sebenarnya ingin menolong tuan gurunya, Al-Baani. Lalu dia menulis beberapa helaian surat kepada saya. Di dalamnya penuh dengan celaan dan kutukan. Akan tetapi, celaan tersebut bukannya boleh mengeluarkan kebatilan yang telah dibuat oleh Al-Baani. Adapun apa yang telah dijelaskan oleh Imam Abu Daud di dalam sunannya itu bukannya hadis *menggerakkan jari telunjuk*. Sebaliknya hadis yang lain, yaitu hadis mengangkat kedua tangan ketika *takbiratul ihram* - mengangkatnya dan menggerakkannya di bawah pakaian ketika musim sejuk. Maka buatlah pemeriksaan padanya. Hadis ini telah diletakkan oleh Imam Abu Daud di dalam bab Mengangkat Kedua Tangan Ketika Takbir. Maka berhati hatilah.

4. Sesungguhnya Syeikh Al-Baani telah tertipu dengan memandaimandai menisbahkan hadis terhadap Imam Abu Daud. Maka, kita katakan bahawa nisbah beliau terhadap Imam Abu Daud ini berdasarkan kepada taklid buta semata-mata. Inilah sebahagian daripada dalil-dalil yang banyak membuktikan bahawa Al-Baani bukanlah seorang muhaddis. Bahkan dia hanya seorang penuqil daripada kitab-kitab hadis sahaja. Maka berhati-hatilah.
5. Bagi saya (penulis): “Hadis ini juga bukan tercatat di dalam Sahih Muslim. Akan tetapi ianya wujud di dalam Sunan Abu Daud. Maka berhati-hatilah.
6. Isyarat ketika bertasyahhud di dalam ‘Bab Solat’ hadis bernombor 989.
7. Sila lihat At-Tahzib cetakan Dar Al-Basyair – tahkik Syeikh Muhammad Awamah. Semoga Allah memberi petunjuk kepadanya.
8. Adapun perkara yang dinyatakan sesetengah mereka kurang cerdik dan bersikap hanya tahu membangkang sifatnya adalah tidak berharga sama sekali.

- 9 Sila lihat Sunan Al-Baihaqi m/s 131/132 juz 2.
- 10 Seorang murid Al-Baani di dalam kitabnya *Irsyad As-Saari* di bahagian ketiga Bab Puasa cetakan ke-4 m/s 43 sebagai berkata: "Kaedah usul fiqh mengatakan bahawa: Menafi itu hendaklah dahulukan berbanding dengan yang menetapkan.... - tamat. Perkara ini **secara dasarnya dibuat untuk memperbetulkan perkataan tuan gurunya dan juga para ulama' usul. Di samping itu, ianya juga dibuat semata-mata untuk menolak hadis yang menetapkan adanya pada puasa sunat pada hari Sabtu yang mutawattir** dan menafikannya dengan hadis yang *dhaif* (lemah). Lihatlah para pembaca sekalian, bagaimana mereka memutar belit kaedah-kaedah Usul Fiqh mengikut apa yang mereka mahu. Seorang penyair ada berkata: "Sehari di Yaman apabila anda bertemu dengannya dia menyatakan dia orang Yaman" Tapi sekiranya anda bertemu di Ma'dian, dia mengaku bahawa dia seorang Adnani"..
- 11 Saya telah mengkaji hadis yang terdapat di dalam *Sahih* Ibn Khuzaimah yang telah ditahqiq dan dicetak, maka saya dapati tidak ada huruf ta' diakhirnya. Maka jadilah diakhirnya *Illa fi haza khabar za'id*. Maka ia dibaca dengan maksud : Tiada riwayat dengan lafaz (يُحَرِّكُهَا) riwayat ini datang dengan lafaz tambahan.
- 12 Hadis ini telah disahkan oleh para Huffaz (Ahli hadis). Malik bin Numair Al-Khuzai'e adalah seorang yang diterima pada sanadnya. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Hajr di dalam *At-Taqrīb At-Tahzīb*. Tidak ada hadis yang diriwayatkan daripada beliau melainkan seorang perawi sahaja. Dan para huffaz telah mengesahkan hadisnya. Dan kebanyakan orang-orang yang *thiqah* mempercayai riwayatnya kerana hadis ini bukan hanya diriwayatkan oleh beliau seorang sahaja. Mereka seperti Thabit bin Qais Az-Zarqi

Al-Madini. Saya telah menjelaskan hal ini satu persatu di dalam kitab saya *Imta' Al-Ilhaz bi Tausiq Al-Huffaz*. Dan Imam Al-Hafiz Ibn Khuzaimah telah menghukum sahih hadis Malik bin An-Numair Al-Khuza'ie ini di dalam Sahihnya m/s 354 juz . Al Hafiz Ibn Hajr juga turut mengakuinya di dalam kitabnya *Al-Isobah* ketika menterjemahkan perawi ini bernombor 8807. Di samping itu, Ibn Hibban juga telah meriwayatkan hadis ini di dalam sahihnya m/s 202 juz 3 bernombor 1943. Begitu juga dengan Abu Daud (tanpa reaksi) di dalam sahihnya m/s 260 juz 1 bernombor 911. Saya rasa keterangan ini sudah mencukupi bagi kita untuk menghukum hadis ini dengan sahih. Sayang sekali, Syeikh Al-Baani telah menghukumnya dhaif (lemah) hadis ini di dalam kitabnya *Taman Al-Minnah*, kemudian saya dapati beliau menghukum sahih pula hadis Malik bin An-Numair Al-Khuza'ie ini di dalam kitabnya *Sahih Sunan An-Nasaie* m/s 272 juz 1. Dan ternyata ini adalah *tanaqudh* (berlawanan) sama sekali. Maka berhati-hatilah.

- 13 Berdasarkan pemerhatian saya yang mendalam, saya dapati komentar yang telah dibuat oleh seorang penulis terhadap kitab Al-Hafiz Ibn Rejab berjudul *Khusyu'* di dalam solat) cetakan Darul Ammar - cetakan pertama (1406 H) itu seperti abu-abu yang berterbangan. Apa yang dikarang penulisnya itu tidak mempunyai apa-apa faedah. Khususnya pada hafaman m/s 7 pengtakhik kitab tersebut mendakwa bahawa: Abd Al-Azim berkata di dalam kitabnya *Auni Al-Ma'bud* m/s 374 juz 1 dengan katanya: "Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menggerakkan jarinya secara berterusan." -Tamat

Jika kita melihat nas Imam Abd Al-Azim tadi, kita dapati bahawa kenyataan yang dinuqilkan pengkritik ini tidak benar sama sekali. Sebenarnya, Imam Abd Al-Azim Abbaadi juga turut menafikan perbuatan menggerakkan jari di dalam tasyahhud secara berterusan sebagaimana yang dinafikan oleh para ahli ilmu. Maka, Segala puji bagi Allah.



KARYA ZAMIHAN AL-GHARI

Antara karya Ustaz Zamihan Al-Ghari :-

1. Salafiah Al-Wahhabiyyah Satu Penilaian (2001).
Penerbit: Syarikat Tera Jaya Enterprise.
2. Menjawab Kritikan Fahaman Wahhabi di Malaysia (2001).
Penerbit: Syarikat Syathariah Niaga Java.
3. Konsep Al-Sama' Menurut Imam Al-Ghazali (2001).
Penerbit: Syarikat Syathariah Niaga Java.
4. Bid'ahkah Talqin dan Kenduri Arwah? (2002).
Penerbit: Syarikat Tera Jaya Enterprise.
5. Ancaman Liberalisme dan Pluralisme Agama (2009).
Penerbit: Jabatan Agama Islam Johor.
6. Sejarah Kemunculan Fahaman Wahhabiy. (2008).
Penerbit: Jabatan Agama Islam Johor.
7. Unsur Satanisme Dalam Media (2009).
Penerbit: Institut I,atihan Islam Malaysia.
8. Sifat Solat Nabi Yang Sahih (2010).
Penerbit: Zamihan Mat Zin.
9. Hukum Menggerakkan Jari Telunjuk Dalam Solat (2010) .
Penerbit: Zamihan Mat Zin.
10. Menulis artikel agama di ruangan Berita Harian, Utusan dan Harian Metro.